



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI

NEGERI PERAK

TAHUN 2013

DEWAN UNDANGAN NEGERI PERAK



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA




JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI

NEGERI PERAK
TAHUN 2013

KANDUNGAN




KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak	4
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013	
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Kumpulan Wang Disatukan	7
Wang Awam	8
Akaun Hasil Disatukan	10
Akaun Pinjaman Disatukan	19
Akaun Amanah Disatukan	20
Penyata Prestasi Kewangan	25
Penyata Akaun Memorandum	26
Nota Kepada Penyata Kewangan	31
Rumusan Dan Syor Audit	34
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10	37
Rumusan	39
BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI	
Latar Belakang	43
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri	43
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	44

PERKARA	MUKA SURAT
Objektif Pengauditan	44
Skop Dan Metodologi Pengauditan	45
Kawalan Utama	45
Penemuan Audit	55
Pemeriksaan Audit Mengejut	60
Syor Audit	65
 BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	69
Pengauditan Penyata Kewangan	69
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	69
Pengesahan Penyata Kewangan	71
Pembentangan Penyata Kewangan	71
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri	72
Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan	79
Rumusan Dan Syor Audit	85
 BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri; Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	89
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri	89
 PENUTUP	93
 LAMPIRAN	
I Sijil Ketua Audit Negara	97
II Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri	98
III Penyata Kedudukan Kewangan	99
IV Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	100
V Penyata Prestasi Kewangan	102
VI Penyata Akaun Memorandum	103
VII Nota Kepada Penyata Kewangan	104

KATA PENDAHULUAN



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, memeriksa, menyiasat dan mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perak. Bagi memenuhi fungsi dan tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – Pengauditan ini yang berpandukan kepada Piawaian Perakaunan Kerajaan bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan – Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) pada tahun 2007 dan tahun 2013 adalah tahun ketujuh pelaksanaannya. AI diwujudkan bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan sehingga mencapai tahap cemerlang. Penarafan AI diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan AI ini, ia dapat membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik seperti **Cepat, Tepat dan Berintegriti**. Selain itu, sebagai usaha berterusan memupuk kesedaran dan iltizam integriti yang tinggi di kalangan penjawat awam dalam pengurusan kewangan, pemeriksaan mengejut juga dilaksanakan di beberapa Pusat Tanggungjawab terpilih seluruh negeri.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Perak Tahun 2013 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2013. Semasa pengauditan dijalankan, pemeriksaan telah dibuat secara teliti lagi telus terhadap segala langkah yang diambil oleh Jabatan/Agensi bagi melindungi

semua pemungutan, penjagaan serta pembayaran wang awam daripada berlakunya ketidakakuran yang serius.

3. Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk mengubah asas perakaunan yang diamalkan sekarang iaitu Asas Perakaunan Tunai Ubahsuai kepada Perakaunan Akruan mulai tahun 2015. Perakaunan Akruan mengiktiraf dan merekodkan semua urusan niaga pada masa ia berlaku. Selain itu, ia menghendaki semua aset Kerajaan sama ada aset alih, tak alih dan aset hidup berserta semua jenis liabiliti Kerajaan ditunjukkan sepenuhnya dalam Penyata Kewangan Kerajaan. Pelaksanaan dasar Perakaunan Akruan ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkasakan Transformasi Sektor Awam bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan kewangan dan perakaunan. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri hendaklah memantapkan lagi Pengurusan Kewangan di peringkat Jabatan/Agensi khususnya dalam aspek pengurusan aset dan stor sebagai persediaan awal ke arah tersebut. Justeru itu, pembangunan modal insan yang berterusan kepada pegawai yang terlibat perlu dipertingkatkan.


4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
9 Julai 2014

INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. Pada keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Penyata Kewangan Kerajaan Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah dapat disahkan kerana dokumen sokongan adalah mencukupi untuk mengesahkan semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2013 adalah bertambah baik. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2013 berjumlah RM841.37 juta meningkat sejumlah RM33.39 juta berbanding RM807.98 juta pada tahun 2012. Jumlah kutipan hasil pada tahun 2013 telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM13.07 juta manakala pelaburan pada tahun 2013 meningkat sejumlah RM19.58 juta atau 2.5% kepada RM804.23 juta. Pada tahun 2013, perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan sejumlah RM21.74 juta menjadi RM877.84 juta. Di samping itu, prestasi kewangan Akaun Hasil pada tahun 2013 mengalami surplus RM3.09 juta berbanding surplus RM11.76 juta pada tahun 2012. Jumlah Akaun Belum Terima pada tahun 2013 menurun sejumlah RM11.89 juta menjadi RM116.89 juta berbanding RM128.78 juta pada tahun 2012. Manakala pinjaman boleh dituntut meningkat sejumlah RM145.40 juta atau 42.5% daripada RM342.02 juta pada tahun 2012 menjadi RM487.42 juta pada tahun 2013. Kerajaan Negeri perlu mengekalkan prestasi pengurusan kewangan yang baik di samping perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Bagi menjayakan RMKe-10, sejumlah RM1.5 bilion siling peruntukan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 10 Jabatan/Pejabat. Pada keseluruhannya prestasi perbelanjaan pembangunan RMKe-10 untuk tahun 2013 adalah sangat baik. Sehingga 31 Disember 2013, sejumlah RM293.48 juta atau 91.1% telah dibelanjakan berbanding peruntukan yang diluluskan berjumlah RM322.20 juta. Prestasi pelaksanaan projek yang telah berjaya dilaksanakan adalah berjumlah 357 projek atau 91.1% daripada 392 projek yang dirancang manakala baki projek sama ada ditangguhkan, belum mula atau masih di peringkat perancangan.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Pada tahun 2013, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di 21 Jabatan/Agensi Negeri. Pada keseluruhannya tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi yang diaudit adalah bertambah baik berbanding tahun 2012. Pejabat Kewangan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak kekal pada tahap sangat baik bagi tahun 2011 hingga 2013. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak dan Jabatan Perhutanan Negeri kekal pada tahap sangat baik bagi tahun 2012 dan 2013. Pada tahun 2013, satu Jabatan Negeri iaitu Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri, dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Tanjong Malim dan Majlis Daerah Tapah serta satu Agensi Negeri iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak mendapat tahap sangat baik dengan diberi penarafan empat bintang. Tahap pencapaian pengurusan kewangan bagi 13 Jabatan dan Agensi Negeri adalah pada tahap baik dengan diberi penarafan tiga bintang.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Penyerahan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan menunjukkan kemajuan jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya kerana sehingga 30 Jun 2014, semua 15 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Manakala penyerahan Penyata Kewangan bagi Badan Berkanun Negeri menunjukkan penurunan kerana sehingga 30 Jun 2014, hanya 14 Badan Berkanun Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Sebanyak 24 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran dan 7 lagi telah memperoleh Sijil Audit Berteguran bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Sehingga 30 Jun 2014, semua 15 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2012 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala bagi Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri tahun 2012 hanya 6 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri yang dibentangkan semasa sidang Dewan Undangan Negeri pada 25 November 2013 dan 1 April 2014.


BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

6. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Perak Tahun 2012 berserta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2012 Siri 3 telah dibentangkan pada 1 April 2014. Manakala Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2012 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 25 November 2013. Seterusnya, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan

Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2013 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 26 Ogos 2014. Sehingga 15 Mei 2014, sebanyak 4 Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak telah diadakan yang antaranya adalah taklimat oleh Pengarah Audit Negeri Perak berkaitan dengan fungsi dan peranan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak serta status Laporan Ketua Audit Negara yang telah selesai dikaji oleh Jawatankuasa ini.

BAHAGIAN I

Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan NEGERI PERAK Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 kepada Jabatan Audit Negara pada 6 Februari 2014. Penyata tersebut melaporkan semua urusan niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2013 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Mulai tahun kewangan 2011, Kerajaan Negeri telah mengguna pakai Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak - 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan menggantikan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (2004) selaras dengan kehendak piawaian perakaunan berasaskan *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS)* – *Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*.

1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.5. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2013. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.6. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kekurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri, Terimaan Bayaran Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.7. Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan sebahagian aset kewangan dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset Kerajaan Negeri terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala liabiliti terdiri daripada Hutang Awam iaitu pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

1.8. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2013. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan-Jabatan Negeri melalui surat pengurusan Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.


3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpanduan Piawaian Pengauditan Yang Diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara.

3.2. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Negeri Perak pada tahun 2013 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

BAHAGIAN II

Analisis Kewangan Kerajaan Negeri



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Tahun 2013, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2013 adalah RM841.37 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM37.14 juta dan pelaburan sejumlah RM804.23 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Perak bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1

Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	583.31	586.40	3.09	0.5
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	-	-	-	-
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	224.67	254.97	30.30	13.5
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	122.57	238.10	115.53	94.3
	ii) Kumpulan Wang Pembangunan	-155.87	-145.83	10.04	-6.4
	iii) Kumpulan Wang Amanah Awam	181.14	75.60	-105.54	-58.3
	iv) Deposit	76.83	87.10	10.27	13.4
Jumlah		807.98	841.37	33.39	4.1


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.2. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mengalami peningkatan sejumlah RM33.39 juta atau 4.1% iaitu daripada RM807.98 juta pada tahun 2012 kepada RM841.37 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM30.30 juta dan peningkatan Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM3.09 juta. Trend Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**. Kedudukan baki bagi tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.2**Trend Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	508.75	549.12	571.55	583.31	586.40
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	75.84	63.43	33.01	-	-
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	104.66	149.78	176.17	224.67	254.97
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	119.22	143.82	165.33	122.57	238.10
	ii) Kumpulan Wang Pembangunan	-155.91	-165.89	-162.61	-155.87	-145.83
	iii) Kumpulan Wang Amanah Awam	77.44	110.05	106.89	181.14	75.60
	iv) Deposit	63.91	61.80	66.56	76.83	87.10
Jumlah		689.25	762.33	780.73	807.98	841.37

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Wang Tunai

4.3.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Wang Awam. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki wang tunai dalam akaun semasa dan Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh 3 bulan atau kurang, manakala Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dimasukkan ke dalam bank pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Wang Runcit Khas yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

4.3.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai menunjukkan kenaikan sejumlah RM13.81 juta atau 59.2% menjadi RM37.14 juta pada tahun 2013 berbanding RM23.33 juta pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.3**. Kenaikan wang tunai berjumlah RM13.81 juta antaranya disebabkan oleh kenaikan Wang Tunai Dalam Perjalanan berjumlah RM8.66 juta dan kenaikan Wang Tunai Dalam Bank berjumlah RM5.14 juta pada tahun 2013. Trend baki wang tunai bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.3
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2013 Dan 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	17.54	22.68	5.14	29.3
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	4.71	13.37	8.66	183.9
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	1.08	1.09	0.01	0.9
Jumlah		23.33	37.14	13.81	59.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.4
Trend Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	33.06	15.01	18.74	17.54	22.68
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	19.99	6.71	2.20	4.71	13.37
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.70	0.91	1.09	1.08	1.09
Jumlah		53.75	22.63	22.03	23.33	37.14

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.2. Pelaburan

4.3.2.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b) Akta Acara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan untuk melabur dalam deposit di bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957, Arahan Amanah dan peraturan yang dikuatkuasakan. Manakala Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

4.3.2.2. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2013 dan 2012 menunjukkan peningkatan berjumlah RM19.58 juta atau 2.5% kepada RM804.23 juta berbanding RM784.65 juta pada tahun 2012. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2013 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Baki Pelaburan Pada Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Saham	52.75	49.33	-3.42	-6.5
2.	Deposit Dalam Negeri	731.90	754.90	23.00	3.1
Jumlah		784.65	804.23	19.58	2.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.2.3. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan baki pelaburan meningkat mulai tahun 2010 sehingga tahun 2013 berikutan lebih tunai dilabur dalam Deposit Dalam Negeri. Trend baki pelaburan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.6** dan tahun 2013 mencatatkan baki pelaburan tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.6
Trend Baki Pelaburan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Saham	52.75	52.75	52.75	52.75	49.33
2.	Deposit Dalam Negeri	582.75	686.95	705.95	731.90	754.90
Jumlah		635.50	739.70	758.70	784.65	804.23

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Acara Kewangan 1957. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2013 dengan surplus berjumlah RM3.09 juta berbanding surplus RM11.76 juta yang diperolehi pada tahun 2012. Surplus ini berpunca daripada kutipan hasil berjumlah RM880.93 juta melebihi perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri yang berjumlah RM877.84 juta. Dengan surplus ini, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat menjadi RM586.40 juta pada tahun 2013. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan adalah seperti berikut:

4.4.1. Hasil

4.4.1.1. Kerajaan Negeri memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2013, kutipan hasil sebenar adalah melebihi anggaran sejumlah RM23.32 juta berbanding anggaran hasil berjumlah RM857.61 juta iaitu pencapaian sebanyak 102.7%. Pencapaian kutipan bagi Hasil Bukan Cukai pada tahun 2013 adalah sangat baik di mana kutipan sebenar melebihi anggaran sebanyak 140.6%. Manakala kutipan bagi Hasil Cukai dan Terimaan Bukan Hasil adalah kurang daripada anggaran masing-masing sebanyak 86.2% dan 94.6%. Maklumat lanjut mengenai kutipan hasil Negeri adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7**Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Kerajaan Negeri Pada Tahun 2013**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun 2013		Lebih/ Pengurangan (RM Juta)	Pencapaian (%)
		Anggaran Diluluskan (RM Juta)	Hasil Sebenar (RM Juta)		
1.	Hasil Cukai	441.06	380.12	-60.94	86.2
2.	Hasil Bukan Cukai	232.43	326.70	94.27	140.6
3.	Terimaan Bukan Hasil	184.12	174.11	-10.01	94.6
Jumlah		857.61	880.93	23.32	102.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.1.2. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013 adalah berjumlah RM880.93 juta iaitu meningkat sejumlah RM13.07 juta atau 1.5% berbanding tahun 2012 berjumlah RM867.86 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh Terimaan Bukan Hasil meningkat sejumlah RM31.60 juta atau 22.2% pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Jumlah kutipan hasil mengikut kategori bagi tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8**Kutipan Hasil Negeri Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	384.24	380.12	-4.12	-1.1
2.	Hasil Bukan Cukai	341.11	326.70	-14.41	-4.2
3.	Terimaan Bukan Hasil	142.51	174.11	31.60	22.2
Jumlah		867.86	880.93	13.07	1.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.1.3. Analisis Audit mendapati 75 butiran hasil mengalami peningkatan berjumlah RM88.40 juta dan 100 butiran hasil mengalami penurunan berjumlah RM75.33 juta. Antara contoh butiran hasil yang telah mencatat peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.9** dan **Jadual 4.10**.

Jadual 4.9**Peningkatan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Rancangan Hidro	2.62	14.33	11.71	446.9	Bayaran terdahulu <i>ex-gratia</i> bagi stesen-stesen hidroelektrik di negeri Perak oleh Tenaga Nasional Berhad kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM11.73 juta.
2.	Faedah Atas Saham Petronas Dagangan Berhad	1.21	11.60	10.39	858.7	Penjualan sebanyak 386,700 unit asal saham bernilai RM11.90 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM10.81 juta telah dimasukkan ke dalam hasil sebagai Faedah Atas Saham Petronas Dagangan Berhad.

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
3.	Pemberian Membiayai Belanja Mengurus	50.80	57.69	6.89	13.6	Tuntutan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan bagi pertambahan 4 Jabatan iaitu Majlis Sukan Negara, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.
4.	Royalti Perlombongan	41.52	50.26	8.74	21.1	• Pemantauan dan penguatkuasaan berterusan ke atas pengeluaran bahan-bahan mineral. • Permintaan terhadap bahan mineral semakin meningkat.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.10

Penurunan Pungutan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Penurunan		Punca Penurunan
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Royalti Ke Atas Air	60.00	50.00	10.00	16.7	Penurunan hasil bagi tahun 2013 disebabkan sejumlah RM30 juta telah diluluskan bagi bayaran tambahan prabayar royalti air mentah menjadikan jumlah keseluruhan prabayar royalti air mentah tahun 2012 berjumlah RM60 juta.
2.	Lain-Lain Faedah Dan Keuntungan Atas Pelaburan	20.94	11.57	9.37	44.7	• Hasil jualan saham unit bonus berkurangan bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012. • Keuntungan daripada jualan unit saham asal bagi saham Petronas Dagangan Berhad, Tenaga Nasional Berhad dan Axiata telah dimasukkan ke kod faedah saham masing-masing.
3.	Tunggakan Cukai Tanah	43.14	28.91	14.23	33.0	Pentadbiran Tanah Negeri Perak telah mengeluarkan Notis 6A dan Notis 8A. Namun, peratusan kutipan tunggakan hanya 23.6% daripada jumlah sepatut dikutip bagi tahun 2013.
4.	Premium Bagi Geran	141.92	137.58	4.34	3.1	Penyelesaian tunggakan urusan pembermilikan tanah yang telah diselesaikan oleh pihak Pejabat Tanah Dan Galian dan Pihak Berkuasa Negeri.


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.1.4. Trend kutipan hasil bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan peningkatan pada setiap tahun dan tahun 2013 mencatatkan kutipan hasil tertinggi dalam tempoh 5 tahun seperti di **Jadual 4.11** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.11**Trend Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Pada Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	246.48	250.13	299.89	384.24	380.12
2.	Hasil Bukan Cukai	231.98	386.25	347.76	341.11	326.70
3.	Terimaan Bukan Hasil	164.15	156.80	172.64	142.51	174.11
Jumlah		642.61	793.18	820.29	867.86	880.93

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.2**Trend Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.1.5. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri ialah Cukai Tanah, Royalti, Perolehan Daripada Jualan Barang-barang, Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan Pelaburan serta Terimaan Daripada Agensi-agensi Kerajaan Yang Lain. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM731.55 juta atau 83% daripada keseluruhan hasil dalam tahun 2013 berbanding kutipan berjumlah RM712.60 juta atau 82.1% dalam tahun 2012 seperti di **Jadual 4.12**. Manakala trend kutipan bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.13**.

Jadual 4.12**Penyumbang Utama Ke Atas Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun			
		2012		2013	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	250.18	28.8	237.27	26.9
2.	Royalti	103.77	11.9	111.05	12.6
3.	Perolehan Daripada Jualan Barang-Barang	169.94	19.6	164.73	18.7
4.	Keuntungan Pembiayaan & Perolehan Pelaburan	56.84	6.6	59.16	6.7
5.	Terimaan Daripada Agensi-Agensi Kerajaan Yang Lain	131.87	15.2	159.34	18.1
Jumlah		712.60	82.1	731.55	83.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.13**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Pada Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	194.58	211.78	227.94	250.18	237.27
2.	Royalti	30.25	15.34	37.30	103.77	111.05
3.	Perolehan Daripada Jualan Barang-Barang	83.12	227.23	137.53	169.94	164.73
4.	Keuntungan Pembiayaan & Perolehan Pelaburan	28.06	23.61	60.35	56.84	59.16
5.	Terimaan Daripada Agensi-Agensi Kerajaan Yang Lain	110.15	105.81	131.76	131.87	159.34
Jumlah		446.16	583.77	594.88	712.60	731.55

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2. Perbelanjaan Mengurus

4.4.2.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2013 adalah berjumlah RM900.47 juta dan sejumlah RM877.84 juta atau 97.5% telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan yang diluluskan pada tahun 2013 seperti di **Jadual 4.14**.

Jadual 4.14**Perbelanjaan Mengurus Sebenar Berbanding Peruntukan Yang Diluluskan Pada Tahun 2013**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Perubahan (RM Juta)	Perbelanjaan Atas Anggaran (%)
1.	Emolumen	295.19	289.16	6.03	98.0
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	215.35	208.95	6.40	97.0
3.	Aset	11.64	11.33	0.31	97.3
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	375.79	365.91	9.88	97.4
5.	Perbelanjaan Lain	2.50	2.49	0.01	99.6
Jumlah		900.47	877.84	22.63	97.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2.2. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM21.74 juta atau 2.5% iaitu daripada RM856.10 juta pada tahun 2012 kepada RM877.84 juta pada tahun 2013. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 berbanding 2012 mengikut butiran perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4.15**.

Jadual 4.15
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	262.94	289.16	26.22	10.0
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	205.63	208.95	3.32	1.6
3.	Aset	9.47	11.33	1.86	19.6
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	376.34	365.91	-10.43	-2.8
5.	Perbelanjaan Lain	1.72	2.49	0.77	44.8
Jumlah		856.10	877.84	21.74	2.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2.3. Semakan Audit mendapati 4 butiran perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan ketara antara RM3.59 juta hingga RM5.98 juta iaitu antara 12.3% hingga 100%. Perbelanjaan bagi pencen di bawah Pejabat Kewangan Negeri Perak mencatat peningkatan tertinggi pada tahun 2013 iaitu sejumlah RM5.98 juta atau 100% berbanding tahun 2012. Empat butiran perbelanjaan mengurus yang mencatatkan peningkatan yang ketara pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.16**.

Jadual 4.16
Peningkatan Perbelanjaan Mengurus Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pencen Pejabat Kewangan Negeri Perak	0.00	5.98	5.98	100	Ganjaran dan pencen bulanan diberikan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) yang tidak dilantik semasa Pilihanraya Umum ke-13 setelah DUN Perak dibubarkan pada 3 April 2013.
2.	Gaji Dan Upahan Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perak	22.55	26.90	4.35	19.3	Pengisian perjawatan baru, kenaikan gaji tahunan dan pelarasan gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2013 serta Bil. 5 Tahun 2013.
3.	Gaji Dan Upahan Jabatan Kerja Raya Negeri Perak	29.56	33.21	3.65	12.3	Kenaikan gaji tahunan dan pelarasan gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2013.
4.	Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti Pejabat Menteri Besar (MB) & Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak	7.95	11.54	3.59	45.2	- Program Lawatan Rasmi Pemimpin Negara, keraian tetamu jemputan bagi program/majlis khas, emolumen pegawai khas yang dilantik secara kontrak dan program luar jangka yang lain (Pejabat Menteri Besar/Bahagian Khidmat Pengurusan). - Dasar Baru 2013 menetapkan peruntukan sejumlah RM2 juta dicajkan terus di bawah Vot B04 (Pejabat MB & SUK Negeri Perak) serta tidak lagi melalui Waran Peruntukan Tahunan Kumpulan Wang Sukan Negeri

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
						(Majlis Sukan Negeri Perak). • Bayaran perkhidmatan membekal dokumen nadi dan imej klasik berkaitan sejarah negeri Perak, insurans bangunan, gaji 10 pekerja sambilan harian serta kenaikan bayaran perkhidmatan landskap dan mencuci bangunan/kawasan (Lembaga Muzium Negeri Perak). • Bayaran perkhidmatan menterjemah bahan portal rasmi Kerajaan Negeri ke Bahasa Inggeris serta perbelanjaan berkaitan Hari Kebangsaan Tahun 2013 dan raptai Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Kerajaan Persekutuan & Negeri (Bahagian Korporat/Bahagian Pengurusan Maklumat).

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2.4. Semakan Audit turut mendapati 3 butiran perbelanjaan mengurus seperti di **Jadual 4.17** menunjukkan penurunan antara RM1.68 juta hingga RM10.01 juta iaitu antara 27.4% hingga 75.9%.

Jadual 4.17

Penurunan Perbelanjaan Mengurus Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Penurunan		Punca Penurunan
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Gaji & Upahan Pejabat Kewangan Negeri Perak	13.19	3.18	10.01	75.9	• Pada tahun 2013, tiada pelarasan gaji seperti tahun 2012 merujuk kepada pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2012.
2.	Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti Pejabat Kewangan Negeri Perak	26.43	19.19	7.24	27.4	• Pada tahun 2013, peruntukan perbelanjaan Emolumen Maahad Tahfiz dicajkan terus di bawah Vot B18 (Jabatan Agama Islam Negeri Perak). • Program-program Kebesaran Islam Tahun 2013 menggunakan sepenuhnya peruntukan Vot B18. • Beberapa program sempena Hari Keputeraan Sultan Perak Tahun 2013 tidak dapat dijalankan.
3.	Kemudahan Dan Pembaikan Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perak	3.55	1.87	1.68	47.3	• Peruntukan sejumlah RM3.55 juta yang diluluskan dalam bajet 2012 telah dikurangkan sebanyak 47.3% pada tahun 2013 kepada RM1.87 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.4.2.5. Trend perbelanjaan mengurus bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan peningkatan perbelanjaan mengurus pada setiap tahun. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2013 adalah paling tinggi dalam tempoh 5 tahun. Trend perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.18** dan **Carta 4.3**.

Jadual 4.18

Trend Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Emolumen	205.41	215.93	227.60	262.94	289.16
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	170.27	178.12	193.48	205.63	208.95
3.	Aset	19.17	8.95	21.55	9.47	11.33
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	245.65	335.92	351.95	376.34	365.91
5.	Perbelanjaan Lain	13.71	13.89	3.28	1.72	2.49
Jumlah		654.21	752.81	797.86	856.10	877.84

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3. Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan

4.4.3.1. Analisis terhadap prestasi kewangan Akaun Hasil Disatukan mengambil kira perbandingan antara hasil dengan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh perakaunan semasa dan tahun sebelumnya untuk mengukur surplus atau defisit Akaun Hasil Disatukan. Pada tahun 2013, Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri telah mencatatkan surplus sejumlah RM3.09 juta manakala sejumlah RM11.76 juta dalam tahun 2012 seperti di **Jadual 4.19**.

Jadual 4.19**Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2012 Dan 2013**

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	571.55	583.31	11.76	2.1
Hasil	867.86	880.93	13.07	1.5
Perbelanjaan Mengurus	856.10	877.84	21.74	2.5
Surplus/(Defisit)	11.76	3.09	-8.67	-73.7
Baki Pada 31 Disember	583.31	586.40	3.09	0.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3.2. Trend perbandingan hasil dan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2009 hingga 2013 mendapati Kerajaan Negeri telah memperbaiki kedudukan defisit pada tahun 2009 dengan merekodkan surplus pada tahun 2010 sehingga 2013 seperti di **Jadual 4.20**.

4.4.3.3. Pihak Kerajaan Negeri perlu meneliti segera keadaan atau trend ini kerana sekiranya tidak ditangani akan menyebabkan berlakunya keadaan defisit pada tahun akan datang. Kawalan perbelanjaan berhemah hendaklah diteruskan di samping usaha meningkatkan kutipan hasil negeri perlu segera diberi perhatian.

Jadual 4.20**Prestasi Hasil Berbanding Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Hasil	642.61	793.18	820.29	867.86	880.93
2.	Perbelanjaan Mengurus	654.21	752.81	797.86	856.10	877.84
	Surplus/(Defisit)	-11.60	40.37	22.43	11.76	3.09

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

4.4.4.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Semakan Audit terhadap bayaran di bawah AP58(a) mendapati bayaran berjumlah RM0.77 juta telah dibuat pada tahun 2012 menurun kepada RM0.64 juta pada tahun 2013.

4.4.4.2. Sebanyak 20 Jabatan/Pejabat telah membuat bayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2013 berbanding 18 Jabatan/Pejabat pada tahun 2012. Pembayaran di bawah AP58(a) bagi Pejabat Kewangan Negeri mencatatkan perbelanjaan tertinggi di mana sebahagian besar perbelanjaannya adalah untuk bayaran tuntutan pesara menjalani rawatan perubatan. Manakala Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan) pula mencatatkan perbelanjaan kedua tertinggi di mana sebahagian besar perbelanjaannya adalah bagi bayaran tambang perjalanan kereta

api Ahli DUN. Pembayaran di bawah AP58(a) bagi tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.21**.

Jadual 4.21

Pembayaran Di Bawah AP 58(a) Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Jabatan/Pejabat	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Kewangan Negeri	0.20	0.42	0.22	110.0
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Dewan Undangan Negeri Dan Majlis Mesyuarat Kerajaan)	0.02	0.07	0.05	250.0
3.	Majlis Sukan Negeri Perak	-	0.06	0.06	100.0
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan Sumber Manusia)	-	0.04	0.04	100.0
5.	Pejabat Daerah Batang Padang, Tapah	-	0.01	0.01	100.0
6.	Jabatan/Pejabat Lain	0.55	0.04	-0.51	-92.7
	Jumlah Keseluruhan	0.77	0.64	-0.13	-16.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Acara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan.

4.5.2. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM145.23 juta dan pinjaman ini telah diakaunkan ke Akaun Pinjaman Disatukan. Pada akhir tahun 2013, Akaun Pinjaman Disatukan adalah berbaki sifar kerana pinjaman telah disalurkan kepada Agensi Pelaksana iaitu Lembaga Air Perak untuk membiayai projek bekalan air. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.22**.

Jadual 4.22


Akaun Pinjaman Disatukan Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	33.01	0.00	-33.01	-100.0
Terimaan	37.23	145.23	108.00	290.1
Pindahan	70.24	145.23	74.99	106.8
Baki Pada 31 Disember	0.00	0.00	0.00	0.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5.3. Trend terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 4.4**.

Carta 4.4
Trend Pinjaman Daripada Kerajaan
Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Acara Kewangan 1957 dan terbahagi kepada 3 kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit. Akaun ini menguruskan semua wang yang diterima tertakluk kepada arahan amanah mengikut terma-terma amanah tersebut. Pada akhir tahun 2013, Akaun Amanah Disatukan berbaki RM254.97 juta berbanding sejumlah RM224.67 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM30.30 juta atau 13.5% seperti di **Jadual 4.23**.

Jadual 4.23
Baki Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Bil. Akaun	Tahun		Perubahan	
			2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan		-33.30	92.27	125.57	-377.1
	Kumpulan Wang Pembangunan	1	-155.87	-145.83	10.04	-6.4
	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	10	122.57	238.10	115.53	94.3
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	44	181.14	75.60	-105.54	-58.3
3.	Deposit	103	76.83	87.10	10.27	13.4
	Jumlah	158	224.67	254.97	30.30	13.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan Wang ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana perbelanjaannya tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70 Tahun 1966) dan diperakaunkan dalam Akaun Amanah Disatukan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan, terimaan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan terimaan daripada Akaun Pinjaman. Kumpulan Wang Pembangunan ini hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut. Penerimaan kumpulan wang ini bagi tahun 2013 berjumlah RM303.52 juta adalah terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM265.00 juta, pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi berjumlah RM21.08 juta dan pelbagai terimaan berjumlah RM17.44 juta, manakala perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM293.48 juta. Baki Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM145.83 juta. Kedudukan ini adalah lebih baik berbanding baki defisit berjumlah RM155.87 juta pada tahun 2012. Perbandingan baki defisit bagi tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti **Jadual 4.24**.

Jadual 4.24

Baki Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-162.61	-155.87	6.74	-4.1
Penerimaan	314.90	303.52	-11.38	-3.6
Perbelanjaan	308.16	293.48	-14.68	-4.8
Surplus	6.74	10.04	3.30	49.0
Baki Pada 31 Disember	-155.87	-145.83	10.04	-6.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.6.1.2. Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar (AKB) diwujudkan untuk menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri kepada pembekal barangan dan perkhidmatan yang diperolehi sehingga 31 Disember sesuatu tahun dan bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Pada tahun 2013, sebanyak 26 Jabatan telah terlibat dengan pembayaran AKB. Jumlah pembayaran di bawah AKB telah meningkat sejumlah RM1.41 juta atau 5.1% menjadi RM29.04 juta berbanding RM27.63 juta pada tahun 2012. Bagaimanapun, terdapat 15 Jabatan yang mencatatkan penurunan perbelanjaan AKB pada tahun 2013. Jumlah AKB tahun 2013 mewakili 2.5% daripada perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang berjumlah RM1,171.32 juta. Lima Jabatan yang mencatatkan peningkatan ketara perbelanjaan AKB pada tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.25** dan trend pembayaran di bawah AKB bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Carta 4.5**.

Jadual 4.25**Perbelanjaan Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan Pada Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Jabatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Mineral Dan Geosains	0.001	0.07	0.07	7,000.0
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian	0.07	0.77	0.70	1,000.0
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar	0.04	0.10	0.06	150.0
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	0.47	1.15	0.68	144.7
5.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	1.23	2.91	1.68	136.6
Jumlah		1.81	5.00	3.19	176.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.5
Trend Pembayaran Di Bawah Akaun Kena Bayar
Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 iaitu terdiri daripada Kumpulan Wang Khas yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut arahan amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Pada tahun 2013, baki Kumpulan Wang Amanah Awam menurun sejumlah RM105.54 juta atau 58.3% menjadi RM75.60 juta berbanding RM181.14 juta pada tahun 2012.

4.6.2.1. Terdapat sebanyak 44 Akaun Amanah diwujudkan di mana didapati 34 Akaun Amanah adalah masih aktif dan 6 Akaun Amanah tidak aktif. Pada tahun 2013 sebanyak 3 Akaun Amanah telah ditutup dan satu akaun amanah iaitu Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Perak (MARRIS) telah dipindah penubuhannya daripada Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957 kepada Seksyen 10 Akta yang sama. Oleh sebab itu, Akaun Kumpulan Wang ini telah diletakkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Tiga Akaun Amanah iaitu Amanah Kemiskinan, Tabung Festival Laman 2004 dan Projek R & D Satelit Bioteknologi berjumlah RM2.43 juta telah ditutup dan baki akaun amanah tersebut telah dipindah ke Akaun Hasil Disatukan.

4.6.2.2. Dua Akaun Amanah diwujudkan pada tahun 2013 iaitu Akaun Amanah Tabung Inovasi dan Akaun Amanah Program Perumahan Nelayan Pulau Pangkor. Senarai 2 Akaun Amanah tersebut adalah seperti di **Jadual 4.26**.

Jadual 4.26

Akaun Amanah Yang Baru Diwujudkan Pada Tahun 2013

Bil.	Akaun Amanah	Peruntukan 2013 (RM Juta)	Objektif Penubuhan
1.	Akaun Amanah Tabung Inovasi	-	Memperakaunkan kos mempaten inovasi yang dapat mendatangkan pendapatan kepada Kerajaan Negeri, kos melaksanakan projek-projek inovasi, kos menyertai pertandingan inovasi di pelbagai peringkat negeri dan lain-lain lagi.
2.	Akaun Amanah Program Perumahan Nelayan Pulau Pangkor	20.00	Memperakaunkan segala sumbangan/terimaan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak, wang tahanan dan wang lebihan di dalam kontrak serta perbelanjaan yang berkaitan untuk membiayai projek Program Perumahan Nelayan Pulau Pangkor.
Jumlah		20.00	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2.3. Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Perak

Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Perak diwujudkan mengikut Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 dan telah dipindah penubuhannya daripada Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 kepada Seksyen 10 akta yang sama mulai 1 Julai 2013. Tujuan penubuhan kumpulan wang ini adalah bagi pembiayaan penyelenggaraan jalan raya yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun 2013, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pemberian penyelenggaraan jalan raya sejumlah RM196.81 juta melibatkan penyelenggaraan jalan sepanjang 13,338.20 km. Jumlah penerimaan penyelenggaraan jalan raya telah meningkat sejumlah RM87.08 juta atau 39.7% berbanding sejumlah RM219.46 juta pada tahun 2012. Daripada RM306.54 juta yang diterima sejumlah RM250.53 juta telah dibelanjakan. Baki pada akhir tahun 2013 berjumlah RM133.56 juta. Jumlah penerimaan dan perbelanjaan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti **Jadual 4.27**.

Jadual 4.27

Jumlah Penerimaan, Perbelanjaan Dan Baki Akaun Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Perbelanjaan Semasa (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Penggunaan (%)
2009	106.78	154.89	225.14	36.53	145.4
2010	36.53	185.02	192.15	29.40	103.9
2011	29.40	188.55	174.20	43.75	92.4
2012	43.75	219.46	185.66	77.55	84.6
2013	77.55	306.54	250.53	133.56	81.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2.4. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan diwujudkan mengikut Seksyen 56, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Seksyen 9(3), Akta Acara Kewangan 1957. Ia bertujuan untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula Rancangan Pengurusan Hutan Negeri. Pada tahun 2013, baki Kumpulan Wang ini menurun sejumlah RM1.48 juta atau 10.4% menjadi RM12.70 juta berbanding RM14.18 juta pada tahun 2012. Baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan Hutan bagi tempoh 5 tahun adalah seperti **Carta 4.6**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2.5. Akaun Amanah Pembangunan Pusat Transformasi Bandar (UTC)

Akaun Amanah Pembangunan Pusat Transformasi Bandar (UTC) diwujudkan bertujuan untuk memperakaikan segala sumbangan/terimaan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Perak serta perbelanjaan yang berkaitan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan Pusat Transformasi Bandar (UTC), peralatan dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengannya. Akaun amanah ini dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak selaku Pegawai Pengawal Akaun Amanah. Baki awal tahun 2013 adalah berjumlah RM35.23 juta dan akaun amanah ini telah menerima sejumlah RM3.05 juta daripada Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, sejumlah RM36.47 juta telah dibelanjakan. Baki akhir tahun akaun amanah ini berjumlah RM1.82 juta.

4.6.3. Akaun Deposit

4.6.3.1. Deposit adalah wang yang diterima oleh Jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Wang deposit akan dikembalikan setelah maksudnya tercapai atau dijadikan hasil apabila pendeposit tidak dapat dikenal pasti dan tidak dituntut. Pada akhir tahun

2013, Kerajaan Negeri mempunyai 103 akaun deposit berjumlah RM87.10 juta yang diselenggarakan oleh 20 Jabatan.

4.6.3.2. Semakan Audit mendapati sebanyak 29 daripada akaun deposit sejumlah RM0.19 juta telah tidak aktif bagi tempoh 3 hingga 5 tahun. Tindakan pewartaan mengikut Arahan Perbendaharaan 162 perlu dibuat sekiranya deposit tersebut tidak diperlukan lagi. Baki deposit pada tahun 2013 adalah berjumlah RM87.10 juta berbanding pada tahun 2012 berjumlah RM76.83 juta iaitu meningkat sejumlah RM10.27 juta atau 13.4%. Baki deposit pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.28**.

Jadual 4.28
Baki Deposit Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Jenis Deposit	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am	74.36	84.75	10.39	14.0
2.	Deposit Perumahan Awam Kos Rendah	2.47	2.35	-0.12	-4.9
Jumlah		76.83	87.10	10.27	13.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

4.7.1. Bagi tahun 2013 sumber dana Kerajaan Negeri berjumlah RM880.93 juta terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Penggunaan dana bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM906.32 juta. Pada tahun 2013 Kerajaan Negeri mengalami kurangan dana berjumlah RM25.39 juta bagi membiayai perbelanjaannya. Kurangan tersebut dibiayai dengan terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan serta perubahan tunai, pelaburan dan amanah. Butiran penyata prestasi kewangan adalah seperti di **Jadual 4.29**.

Jadual 4.29
Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012 Dan 2013

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil:				
Hasil Cukai	384.24	380.12	-4.12	-1.1
Hasil Bukan Cukai	341.11	326.70	-14.41	-4.2
Teriman Bukan Hasil	142.51	174.11	31.60	22.2
Jumlah Hasil	867.86	880.93	13.07	1.5
Perbelanjaan:				
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)	583.11	612.84	29.73	5.1
Perbelanjaan Pembangunan	308.16	293.48	-14.68	-4.8
Jumlah Perbelanjaan	891.27	906.32	15.05	1.7
Lebihan/(Kurangan)	-23.41	-25.39	-1.98	8.5
Kurangan Dibiayai Oleh:				
Pinjaman	-33.01	-	33.01	-100.0
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	41.90	38.52	-3.38	-8.1
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	14.52	-13.13	-27.65	-190.4
Jumlah Pembiayaan	23.41	25.39	1.98	8.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan tanggungan Kerajaan yang boleh dilupuskan atau boleh dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Lembaran Imbangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman boleh dituntut dan pelaburan. Manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan hutang awam Kerajaan Negeri.

4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.8.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan dengan menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan.

4.8.1.2. Analisis Audit mendapati baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2013 meningkat sejumlah RM145.40 juta atau 42.5% iaitu daripada RM342.02 juta pada tahun 2012 menjadi RM487.42 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini disebabkan oleh pemberian pinjaman kepada Lembaga Air Perak sejumlah RM145.23 juta yang dibiayai daripada Akaun Hasil Disatukan.

4.8.1.3. Analisis perbandingan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2009 hingga tahun 2011 menunjukkan peningkatan baki setiap tahun manakala pada tahun 2012 ia menunjukkan penurunan baki pinjaman. Bagaimanapun, pada tahun 2013 baki pinjaman boleh dituntut telah meningkat menjadi RM487.42 juta. Trend baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.30**.

Jadual 4.30

Trend Baki Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Baki Pinjaman Boleh Dituntut						
Bil.	Agensi	2009	2010	2011	2012	2013
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Pihak Berkuasa Tempatan						
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	11.44	11.34	11.24	11.14	16.39
2.	Majlis Daerah Perak Tengah	2.88	2.77	2.58	6.14	7.20
3.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	4.72	5.79	5.19	4.31	3.38
4.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	3.06	3.06	2.46	2.83	3.12
5.	Majlis Perbandaran Taiping	-	-	0.93	2.00	2.19
6.	Majlis Daerah Tanjong Malim	3.53	3.18	2.82	2.14	2.05
7.	Majlis Daerah Batu Gajah	3.53	3.14	2.75	2.33	1.90
8.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	-	-	-	0.87	0.95
9.	Majlis Daerah Kampar	2.56	1.96	1.96	0.68	-
10.	Majlis Perbandaran Manjung	2.27	0.92	0.47	-	-
Jumlah Baki Pinjaman		33.99	32.16	30.40	32.44	37.18
Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk)						
1.	Lembaga Air Perak	771.97	824.82	890.40	248.52	391.03
2.	Yayasan Perak	27.00	27.00	21.12	20.73	19.53
3.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	-	2.70	2.40	4.50	18.26

Bil.	Agensi	Baki Pinjaman Boleh Dituntut				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
4.	Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (Kolej Islam Darul Ridzuan)	-	-	-	15.00	15.00
5.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	15.35	15.35	6.90	5.60	5.42
6.	Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan	-	-	-	1.00	1.00
7.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak	6.28	10.00	13.73	13.73	-
8.	Menteri Besar Incorporated	-	-	-	0.50	-
9.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	0.22	-	-	-	-
Jumlah Baki Pinjaman		820.82	879.87	934.55	309.58	450.24
Jumlah Keseluruhan		854.81	912.03	964.95	342.02	487.42

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.4. Pada tahun 2013, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) sepatutnya membayar ansuran pinjaman Kerajaan Negeri berjumlah RM39.43 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM31.86 juta dan tunggakan tahun 2012 berjumlah RM7.57 juta. Bagaimanapun, PBT, BBN dan MAIPk hanya menjelaskan sejumlah RM26.55 juta sahaja.

4.8.1.5. Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2013 mencatatkan peningkatan sejumlah RM5.31 juta atau 70.1% menjadi RM12.88 juta. Ini disebabkan Yayasan Perak lewat membayar balik pinjaman berjumlah RM2.0 juta dan pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Perak hanya menjelaskan sejumlah RM0.48 juta. Pada tahun 2013, bayaran balik pinjaman yang telah dijelaskan adalah sejumlah RM26.55 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan MAIPk kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.31**.

Jadual 4.31

Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pada Tahun 2013

Bil.	Agensi	Tunggakan Pada 1.1.2013 (RM Juta)	Anuiti 2013 (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan Tahun 2013 (RM Juta)	Jumlah Telah Dijelaskan Tahun 2013 (RM Juta)	Tunggakan Akhir Tahun 2013 (RM Juta)
Pihak Berkuasa Tempatan						
1.	Majlis Daerah Perak Tengah	-	0.21	0.21	0.21	-
2.	Majlis Daerah Kampar	-	0.71	0.71	0.71	-
3.	Majlis Daerah Batu Gajah	-	0.52	0.52	0.52	-
4.	Majlis Daerah Tanjong Malim	-	0.49	0.49	0.10	0.39
5.	Majlis Bandaraya Ipoh	-	0.10	0.10	0.10	-
6.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	-	1.10	1.10	1.10	-
7.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	-	0.63	0.63	0.63	-
8.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	-	0.09	0.09	0.09	-
Jumlah Tunggakan Pihak Berkuasa Tempatan		-	3.85	3.85	3.46	0.39

Bil.	Agensi	Tunggakan Pada 1.1.2013 (RM Juta)	Anuiti 2013 (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan Tahun 2013 (RM Juta)	Jumlah Telah Dijelaskan Tahun 2013 (RM Juta)	Tunggakan Akhir Tahun 2013 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk)						
1.	Yayasan Perak	1.00	2.24	3.24	1.24	2.00
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	6.57	-	6.57	0.48	6.09
3.	Lembaga Air Perak	-	11.13	11.13	6.73	4.40
4.	Menteri Besar Incorporated	-	0.50	0.50	0.50	-
5.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	-	0.33	0.33	0.33	-
6.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak	-	13.81	13.81	13.81	-
Jumlah Tunggakan		7.57	28.01	35.58	23.09	12.49
Jumlah Keseluruhan		7.57	31.86	39.43	26.55	12.88

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.6. Analisis perbandingan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan peningkatan pada tahun 2009 seterusnya menurun pada tahun 2010 dan 2011. Bagaimanapun, tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut telah meningkat semula pada tahun 2012 dan tahun 2013. Jumlah ini terdiri daripada tunggakan bayaran balik pokok sejumlah RM12.13 juta dan tunggakan faedah sejumlah RM0.75 juta. Trend tunggakan bayaran balik pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan MAIPk kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.32**.

Jadual 4.32

Trend Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Perak Yanggalkan Bujukan Bukit Kajang Dag. Tahun 2009 Hingga 2013						
Bil.	Agensi	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pihak Berkuasa Tempatan						
1.	Majlis Daerah Tanjong Malim	0.39	0.39	0.39	-	0.39
2.	Majlis Daerah Kampar	-	-	0.71	-	-
Badan Berkanun Negeri						
1.	Yayasan Perak	6.04	-	-	1.00	2.00
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	9.31	12.20	5.28	6.57	6.09
3.	Lembaga Air Perak	-	-	-	-	4.40
Jumlah		15.74	12.59	6.38	7.57	12.88

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2. Hutang Awam

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada tahun 2013, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan telah meningkat sejumlah RM140.36 juta atau 41.4% menjadi RM479.59 juta berbanding RM339.23 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini disebabkan oleh Kerajaan Negeri menerima pinjaman baru bagi Projek

Bekalan Air Negeri Perak berjumlah RM145.24 juta. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.33**.

Jadual 4.33

Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Butiran	Baki Pinjaman		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Perumahan Awam dan Projek Skim Pertapakan Kemudahan	48.25	46.15	-2.10	-4.4
2.	Rancangan Pembangunan Perusahaan	2.55	1.77	-0.78	-30.6
3.	Rancangan Pembinaan Kedai dan Lain-lain	20.94	18.94	-2.00	- 9.6
4.	Projek Bekalan Air	267.49	412.73	145.24	54.3
Jumlah		339.23	479.59	140.36	41.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2.1. Analisis Audit terhadap baki hutang awam mendapati baki hutang bagi tahun 2009 hingga tahun 2011 telah menunjukkan peningkatan pada setiap tahun kecuali pada tahun 2012 telah menurun menjadi RM339.23 juta berikutan pengambilalihan hutang awam oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Bagaimanapun, pada tahun 2013 baki hutang awam telah meningkat menjadi RM479.59 juta disebabkan Kerajaan Negeri menerima pinjaman baru Projek Bekalan Air. Trend baki hutang awam bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.34** dan **Carta 4.7**.


Jadual 4.34

Trend Hutang Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Rancangan Perumahan Awam dan Projek Skim Pertapakan Kemudahan	35.57	48.25	48.25	48.25	46.15
2.	Rancangan Pembangunan Perusahaan	5.18	4.47	3.73	2.55	1.77
3.	Rancangan Pembinaan Kedai dan Lain-lain	26.94	24.94	22.94	20.94	18.94
4.	Projek Bekalan Air	820.16	874.79	932.65	267.49	412.73
Jumlah		887.85	952.45	1,007.57	339.23	479.59

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.7
Trend Hutang Awam Kerajaan Negeri Perak
Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2.2. Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2009 hingga tahun 2013. Kerajaan Negeri berupaya untuk menjelaskan hutang awam termasuk faedah sejumlah RM4.98 juta pada tahun 2013 mengikut jadual yang ditetapkan.

4.8.2.3. Analisis terhadap Penyata Hutang Awam berakhir 31 Disember 2013 menunjukkan sejumlah RM145.24 juta yang diterima bagi Projek Bekalan Air merupakan terimaan bagi 14 projek untuk tahun 2011 dan tahun 2012 manakala 5 projek baru untuk tahun 2013. Butiran lanjut mengenai 5 projek baru adalah seperti di **Jadual 4.35**.

Jadual 4.35
Senarai Projek Bekalan Air Pada Tahun 2013

Bil.	Butiran	Tarikh Tandatangan	Terimaan Pinjaman (RM Juta)
1.	Membiayai Projek Bina/Pasang – Loji/Kolam Takungan Dan Paip Utama Daerah Larut Matang Dan Selama, Perak.	6 Februari 2013	11.93
2.	Membiayai Projek Bina/Pasang – Loji/Kolam Dan Paip Utama Daerah Larut Matang Dan Selama Fasa II	1 April 2013	15.77
3.	Membiayai Projek Bina/Pasang - Loji/Kolam Dan Paip Utama Daerah Manjung Fasa III	1 April 2013	1.70
4.	Membiayai Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil (NRW) Negeri Perak - Wilayah Tengah 1 dan Wilayah Utara	1 April 2013	2.80
5.	Membiayai Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil (NRW) Negeri Perak - Wilayah Selatan	1 April 2013	8.70
Jumlah Pinjaman			40.90

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3. Pelaburan Kerajaan Negeri

Pelaburan Kerajaan Negeri adalah daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957. Pada tahun 2013,

pelaburan telah dibuat dalam CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd. yang berjumlah RM15.00 juta dan mengekalkan saham Gas Malaysia Bhd. serta Felda Global Ventures Holdings Bhd. masing-masing berjumlah RM0.44 juta dan RM9.10 juta. Dengan itu, jumlah pelaburan Kerajaan Negeri telah meningkat dari RM54.54 juta menjadi RM69.54 juta pada tahun 2013. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.36**.

Jadual 4.36
Pelaburan Kerajaan Negeri Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Laporan Kejuruan Regulator dan Tahun 2012 Berdasarkan Tahun 2011					
Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012	2013	(RM Juta)	(%)
		(RM Juta)	(RM Juta)		
Pengurus Dana					
1.	Asian Islamic Investment Management Sdn. Bhd.	15.00	15.00	-	-
2.	Maybank Investment Management Sdn. Bhd.	15.00	15.00	-	-
3.	RHB Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	15.00	15.00	-	-
4.	CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	-	15.00	15.00	-
Jumlah		45.00	60.00	15.00	33.3
Pelaburan Dalam Syarikat Awam					
1.	Gas Malaysia Bhd.	0.44	0.44	-	-
2.	Felda Global Ventures Holdings Bhd.	9.10	9.10	-	-
Jumlah		9.54	9.54	-	-
Jumlah Keseluruhan		54.54	69.54	15.00	27.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

4.9.1. Akaun Belum Terima

4.9.1.1. Peraturan mengenai Akaun Belum Terima dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89A, yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar suatu penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Perbendaharaan Negeri dengan salinannya dihantar ke Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 juga menjelaskan dasar dan tatacara Akaun Belum Terima di mana tunggakan hasil adalah sebahagian daripadanya. Selain itu, Surat Arahan Bagi Penutupan Akaun Awam iaitu melalui Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 3 Tahun 2013 telah menetapkan kewajipan mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil 2013. Analisis Audit mendapati tunggakan hasil Negeri Perak telah menurun sejumlah

RM11.89 juta atau 9.2% menjadi RM116.89 juta berbanding RM128.78 juta pada tahun 2012. Akaun Belum Terima mengikut butiran hasil pada tahun 2013 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 4.37**.

Jadual 4.37

Akaun Belum Terima Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	111.76	96.93	-14.83	-13.3
2.	Ansuran Sewa Beli Rancangan Perumahan Awam	10.37	9.28	-1.09	-10.5
3.	Lain-Lain Hasil	6.65	10.68	4.03	60.6
Jumlah		128.78	116.89	-11.89	-9.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.1.2. Analisis selanjutnya mendapati perkara berikut:

- a. Tunggakan cukai tanah menurun sejumlah RM14.83 juta atau 13.3% pada tahun 2013 menjadi RM96.93 juta berbanding RM111.76 juta pada tahun 2012. Penurunan tunggakan antaranya disebabkan oleh tindakan proaktif mengeluarkan surat peringatan telah mendapat reaksi positif daripada pemilik tanah serta mengadakan sesi perbincangan bersama pemilik-pemilik tanah.
- b. Tunggakan ansuran sewa beli Rancangan Perumahan Awam menurun sejumlah RM1.09 juta atau 10.5% menjadi RM9.28 juta pada tahun 2013 berbanding RM10.37 juta pada tahun 2012. Penurunan ini antaranya disebabkan tindakan penguatkuasaan undang-undang seperti mengeluarkan notis tuntutan tunggakan bayaran sewa beli rumah dan notis arahan mengosongkan premis.
- c. Tunggakan lain-lain hasil meningkat sejumlah RM4.03 juta atau 60.6% pada tahun 2013 menjadi RM10.68 juta berbanding RM6.65 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini disebabkan oleh pelarasan semula pinjaman oleh Lembaga Air Perak.
- d. Trend Akaun Belum Terima bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.38** dan **Carta 4.8**.


Jadual 4.38

Trend Akaun Belum Terima Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tunggakan Hasil				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	165.55	180.66	132.36	111.76	96.93
2.	Ansuran Sewa Beli Rancangan Perumahan Awam	22.81	16.91	13.30	10.37	9.28
3.	Lain-Lain Hasil	10.21	13.70	5.90	6.65	10.68
Jumlah		198.57	211.27	151.56	128.78	116.89

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.8
Kedudukan Akaun Belum Terima Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.2. Hapus Kira Akaun Belum Terima

Pada tahun 2013, hapus kira Akaun Belum Terima telah dibuat melibatkan sejumlah RM3.10 juta di 4 Pejabat Tanah iaitu Pejabat Tanah Ipoh, Batu Gajah, Manjung dan Taiping. Antara sebab hapus kira dibuat ialah berikutan kelulusan remisyen ke atas cukai tanah, tunggakan cukai tanah dan pemansuhan denda lewat. Trend hapus kira Akaun Belum Terima tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.39**.

Jadual 4.39
Trend Hapus Kira Akaun Belum Terima Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Jabatan/Pejabat	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Pejabat Tanah Ipoh	4.00	-	2.20	2.12	0.96
2.	Pejabat Tanah Batu Gajah	-	3.46	0.41	0.14	0.25
3.	Pejabat Tanah Kuala Kangsar	-	0.01	0.01	0.003	-
4.	Pejabat Tanah Manjung	-	1.97	0.12	0.33	1.60
5.	Pejabat Tanah Sg. Siput	-	-	-	0.002	-
6.	Pejabat Tanah Tapah	-	0.05	-	0.03	-
7.	Ladang Infoternak Sg. Siput	-	-	-	0.09	-
8.	Pejabat Tanah Seri Iskandar	0.19	-	0.96	-	-
9.	Pejabat Tanah Taiping	-	-	0.03	-	0.29
Jumlah		4.19	5.49	3.73	2.72	3.10

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.10.1. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 adalah bertambah baik berbanding tahun 2012. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2013 berjumlah RM841.37 juta meningkat sejumlah RM33.39 juta berbanding RM807.98 juta pada tahun 2012. Jumlah kutipan hasil pada tahun 2013 telah meningkat sejumlah RM13.07 juta manakala pelaburan pada tahun 2013 meningkat sejumlah RM19.58 juta atau 2.5% kepada RM804.23 juta. Prestasi kewangan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2013 mengalami surplus RM3.09 juta berbanding surplus RM11.76 juta pada tahun 2012. Jumlah Akaun Belum Terima pada tahun 2013 menurun sejumlah RM11.89 juta menjadi RM116.89 juta berbanding RM128.78 juta pada tahun 2012. Manakala pinjaman boleh dituntut meningkat sejumlah RM145.40 juta pada tahun 2013 menjadi RM487.42 juta berbanding RM342.02 juta pada tahun 2012. Sungguhpun jumlah Hutang Awam meningkat pada tahun 2013 tetapi Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang tunggakan bayaran balik pinjaman.

4.10.2. Kerajaan Negeri perlu mengekalkan prestasi pengurusan kewangan yang baik di samping perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Tindakan lebih berkesan hendaklah diambil untuk mengutip tunggakan pinjaman daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Majlis Daerah Tanjong Malim, Yayasan Perak dan Lembaga Air Perak.

BAHAGIAN III

Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10

5.1. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Negeri Perak untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2011. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Perak. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Perak mencapai status negeri maju pada tahun 2015.

5.2. Bagi menjayakan RMKe-10, peruntukan sejumlah RM1.5 bilion telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk diagihkan kepada 10 Jabatan Negeri bagi pelaksanaan projek yang dirancang. Sejumlah RM705.00 juta merupakan peruntukan bagi pelbagai kerja dan perkhidmatan sosial kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri dan pelbagai projek bagi Pejabat Kewangan Negeri. Manakala sejumlah RM795.00 juta lagi diperuntukkan kepada 8 Jabatan bagi tujuan projek pembangunan. Tiga daripada 10 Jabatan Negeri yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Kewangan Negeri (Pelbagai Projek) berjumlah RM395.00 juta, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM345.00 juta dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (Pelbagai Kerja Dan Perkhidmatan Sosial) berjumlah RM310.00 juta. Peruntukan yang diagihkan di bawah RMKe-10 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1

Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-10 Bagi Tahun 2011 Hingga 2015

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan RMKe-10 (RM Juta)
1.	Pejabat Kewangan Negeri (Pelbagai Projek)*	395.00
2.	Jabatan Kerja Raya	345.00
3.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (Pelbagai Kerja Dan Perkhidmatan Sosial) *	310.00
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	100.00
5.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	95.00
6.	Jabatan Agama Islam	70.00
7.	Jabatan Pertanian	60.00
8.	Jabatan Perhutanan	55.00
9.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	50.00
10.	Jabatan Kehakiman Syariah	20.00
Jumlah		1,500.00

Sumber: Bajet Negeri Perak

Nota: Peruntukan Jabatan/Pejabat Bertanda (*) Bukan Untuk Projek Pembangunan

5.2.1. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10

5.2.1.1. Pada tahun 2013, sejumlah RM322.20 juta telah diperuntukkan dan sejumlah RM293.48 juta atau 91.1% telah dibelanjakan. Analisis Audit menunjukkan 9 Jabatan telah membelanjakan melebihi 84%. Hanya satu Jabatan iaitu Jabatan Kehakiman Syariah yang membelanjakan 37.9% daripada peruntukan RMKe-10 bagi tahun 2013. Butirannya adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2013 Di Bawah RMKe-10**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan Yang Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Pencapaian (%)
1.	Pejabat Kewangan Negeri (Pelbagai Projek)*	118.95	100.91	84.8
2.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (Perkhidmatan Masyarakat Dan Luar Bandar)*	67.15	61.19	91.1
3.	Jabatan Kerja Raya	65.00	64.92	99.9
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	20.00	19.40	97.0
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	14.00	14.00	99.9
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	9.00	9.00	100.0
7.	Jabatan Pertanian	8.50	8.23	96.8
8.	Jabatan Agama Islam	8.20	7.28	88.8
9.	Jabatan Perhutanan	7.10	6.92	97.5
10.	Jabatan Kehakiman Syariah	4.30	1.63	37.9
Jumlah		322.20	293.48	91.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota: Peruntukan Jabatan/Pejabat Bertanda (*) Bukan Untuk Projek Pembangunan

5.2.2. Pencapaian Pelaksanaan Projek Untuk Tahun 2013


Pada tahun 2013 sebanyak 392 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut 357 atau 91.1% projek telah disiapkan sepenuhnya dan 27 atau 6.9% projek sedang dilaksanakan. Manakala 8 atau 2.0% projek masih belum dimulakan kerana terdapat projek tangguh, belum mula dan masih dalam perancangan. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1**, manakala **Jadual 5.4** menunjukkan antara contoh yang belum mula.

Jadual 5.3**Status Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Sehingga 31 Disember 2013**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Projek/Program			Jumlah
		Siap	Sedang Dilaksanakan	Belum Mula	
1.	Jabatan Kerja Raya	27	19	3	49
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	25	4	-	29
3.	Jabatan Pertanian	10	-	-	10
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	186	2	2	190
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	16	-	-	16
6.	Jabatan Perhutanan	16	-	-	16
7.	Jabatan Agama Islam	77	1	-	78
8.	Jabatan Kehakiman Syariah	-	1	3	4
Jumlah		357	27	8	392

Sumber: Rekod Jabatan/Pejabat

Carta 5.1
Status Pencapaian Projek RMKe-10 Tahun 2013



Sumber: Rekod Jabatan/Pejabat

Jadual 5.4
Antara Projek Yang Belum Dimulakan Pada Tahun 2013

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Sebab Belum Mula
1.	Pembinaan Mahkamah Syariah Taiping	17.33	Projek akan dimulakan pada tahun 2014 iaitu selepas pembinaan Mahkamah Syariah Seri Iskandar selesai.
2.	Sistem Pungutan Hasil Tanah Versi 2.0	0.15	Pembayaran telah dibuat sebanyak 15% berdasarkan kerja yang telah disiapkan. Baki peruntukan telah ditarik balik daripada Pejabat Tanah Dan Galian dan projek telah dibatalkan disebabkan pihak syarikat gagal menyiapkan projek mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Notis penamatan telah dihantar pada 4.11.2013. Diurus oleh Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan.
3.	Sijil Digital Bagi Mel Elektronik	0.05	Pihak pembekal tidak mengemukakan surat setuju terima sehingga tamat tempoh masa yang diberikan. Diurus oleh Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan.


Sumber: Rekod Jabatan

5.3. RUMUSAN

Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan RMKe-10 untuk tahun 2013 adalah sangat baik. Sehingga 31 Disember 2013 sejumlah RM293.48 juta atau 91.1% telah dibelanjakan berbanding peruntukan yang diluluskan berjumlah RM322.20 juta. Prestasi pelaksanaan projek yang telah berjaya dilaksanakan adalah berjumlah 357 projek atau 91.1% daripada 392 projek yang diluluskan manakala baki projek sama ada ditangguhkan, belum mula atau masih di peringkat perancangan.

BAHAGIAN IV

Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri



BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN

JABATAN/AGENSI NEGERI

6. LATAR BELAKANG

6.1. Seksyen 15(A), Akta Acara Kewangan 1957 dan Arahannya Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperolehi, digunakan dan diperakunkan mengikut peraturan kewangan.

6.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah kriteria pengauditan pematuhan, semakan dibuat untuk menilai sama ada dalam pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

7. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2013 beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah mengeluarkan pekeliling-pekeliling seperti berikut:

7.1. Pekeliling Kewangan Bil. 3 Tahun 2013 berkenaan Garis Panduan dan Peraturan Mengenai Penutupan Akaun Awam Tahun Kewangan 2013 berkuat kuasa pada 7 Oktober 2013. Pekeliling ini bertujuan bagi memaklumkan garis panduan dan peraturan yang perlu dipatuhi bagi melicinkan proses penutupan dan penyediaan Akaun Awam Negeri Perak untuk tahun kewangan 2013.

7.2. Pekeliling Kewangan Bil. 1 Tahun 2013 Pengurusan Perbelanjaan Tahun 2013 berkuat kuasa 2 Januari 2013. Pekeliling ini bertujuan memberi garis panduan kepada semua Pegawai Pengawal bagi menguruskan perbelanjaan bagi tahun 2013 seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 15A(1) Akta Acara Kewangan 1957. Manakala Pekeliling Kewangan Bil. 2 Tahun 2013 berkenaan Penyediaan Bajet 2014 dan Batas Perbelanjaan Bajet 2014 berkuat kuasa 20 Mac 2013 bertujuan untuk memberi panduan bagi penyediaan cadangan bajet mengurus dan pembangunan bagi tahun 2014.

8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

8.1. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkatkan dan memperkasakan pencapaian pengurusan kewangan masing-masing, Jabatan Audit Negara telah **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti** sejak tahun 2007. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan oleh Jabatan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset dan Stor. Bagi Pejabat Kewangan Negeri serta Agensi Negeri selain kesemua 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan turut dinilai. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (*role model*) kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap pencapaian pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 8.2.1.** Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 8.2.2.** Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan stor, pelaburan serta pinjaman.
- 8.2.3.** Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 8.2.4.** Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2014, pengauditan telah dijalankan di 21 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap 4 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2013 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2012, bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

8.4. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 21 Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit dan Pengurusan Aset dan Stor. Bagi Pejabat Kewangan Negeri dan Agensi Negeri selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

8.4.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

8.4.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Acara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan

dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.

- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

8.4.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

8.4.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 2 Tahun 2009 menetapkan Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa, bermesyuarat setiap 3 bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

c. Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009, Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus (JKTU) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lain, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan, bermesyuarat setiap 4 bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan, menyediakan Laporan dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

8.4.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang

cemerlang dan mengambil tindakan tata tertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

8.4.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan mengenainya seperti berikut:

8.4.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 2 Tahun 2012 mengenai Pengurusan Bajet 2013. Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

8.4.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2012 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah

tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

8.4.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

8.4.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

8.4.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, ciri-ciri keselamatan semasa kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan perakuan penerimaan wang.

8.4.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

8.4.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

8.4.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1986 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

8.4.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

8.4.4.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pekeling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

8.4.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

8.4.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

8.4.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

8.4.5.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri daripada segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

8.4.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1994.
- d. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

8.4.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

8.4.6. Pengurusan Aset Dan Stor

Perolehan aset dan inventori perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan berhubung dengan perkara-perkara berikut:

8.4.6.1. Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit

tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaraskan penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

8.4.6.2. Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan pada Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

8.4.6.3. Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

8.4.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset/Verifikasi Stok

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset/verifikasi stok diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Bil. 5 Tahun 2009 menetapkan aset dan item stor diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset dan item stor hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkecuali, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset dan item stor perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan

mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.

- c. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- d. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- f. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.6.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset diselenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang, penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- b. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu diselenggarakan secara berjadual, manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

8.4.6.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

8.4.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperolehi. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Laporan Awal dihantar.

8.4.7. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

8.4.8. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

8.4.9. Penyata Kewangan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007 dan Surat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Bil. (66) dlm. PSUK.PK.SULIT 355/726/3 JLD. 6 bertarikh 19 Februari 2009 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat daripada 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat daripada 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Pejabat Kewangan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.


8.5. PENEMUAN AUDIT

8.5.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2013, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti ke atas 21 Jabatan/Agensi. Pada keseluruhannya adalah didapati prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2013 adalah bertambah baik berbanding tahun 2012. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2013 adalah seperti di **Carta 8.1**, di mana 8 Jabatan/Agensi telah mendapat penarafan tahap sangat baik dan 13 Jabatan/Agensi lagi pada tahap baik. Manakala kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh tahun 2007 hingga 2013 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Carta 8.1

**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2013**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 8.2

Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2013


Tahap Penarafan	Jabatan/ Agensi Negeri						
	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Sangat Baik	-	1	1	1	1	6	8
Baik	6	7	31	15	12	15	13
Memuaskan	3	5	4	3	-	-	-
Tidak Memuaskan	-	-	1	-	-	-	-
Jumlah	9	13	37	19	13	21	21

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.2. Tahap Pemuatan Terhadap Kawalan Utama


8.5.2.1. Semakan Audit mendapati di 11 Jabatan mendapati secara umumnya, Kawalan Bajet, Terimaan, Perbelanjaan dan Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit adalah pada tahap sangat baik, satu kawalan pada tahap baik iaitu Kawalan Pengurusan. Manakala Pengurusan Aset Dan Stor pada tahap tidak memuaskan bagi 2 Jabatan adalah seperti di **Carta 8.2**. Bagi Pejabat Kewangan Negeri Perak dan 9 Agensi Negeri pula, didapati Kawalan Bajet, Terimaan, Pelaburan, Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan adalah pada tahap sangat baik, 3 kawalan utama adalah pada tahap baik manakala aspek Pengurusan Aset Dan Stor berada pada tahap memuaskan seperti di **Carta 8.3**.

Carta 8.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan
Mengikut Kawalan Bagi Jabatan Tahun 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 8.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan
Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri Tahun 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.2.2. Antara kelemahan yang diperhatikan dalam Kawalan Pengurusan Aset Kerajaan adalah:

- Tiada bukti pemeriksaan teknikal terhadap aset-aset elektronik telah dijalankan oleh pegawai bertauliah.
- Borang Terimaan Barang-Barang (BTB) KEW.PS-1 tidak disediakan bagi penerimaan barang-barang stor dari pembekal.
- Tiada tindakan bagi menyelaraskan penyediaan Laporan KEW.PA-8, KEW.PA-10, KEW.PA-11, KEW.PA-12, KEW.PA-20 dan KEW.PA-32
- Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) hanya diadakan sekali sahaja pada tahun 2013.

8.5.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri


8.5.3.1. Pada tahun 2013, semua 21 Jabatan/Agensi Negeri telah dilaksanakan sekurang-kurangnya dua kali pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi tempoh 2007 hingga 2013. Analisis Audit terhadap 4 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan sekurang-kurangnya 4 kali atau lebih bagi tempoh 2007 hingga 2013, menunjukkan tahap prestasi pengurusan kewangan sangat baik. Pejabat Kewangan Negeri Perak telah menunjukkan tahap prestasi pengurusan kewangan sangat baik sepanjang tempoh 6 tahun iaitu dari tahun 2008 hingga 2013. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak kekal pada tahap prestasi baik sepanjang tempoh 7 tahun iaitu dari tahun 2007 hingga 2013. Manakala Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak pula memperoleh tahap prestasi sangat baik pada tahun 2013 dan 2012 berbanding tahap baik pada tahun 2011 dan tahap memuaskan pada tahun 2010.

8.5.3.2. Antara sebab Perbadanan Kemajuan Negeri Perak tidak memperoleh tahap prestasi sangat baik kerana Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor dari aspek pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan dan penyenggaraan aset masih wujud kelemahan. Selain itu, wujud kelemahan dalam Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit dari aspek pendahuluan diri dan pendahuluan pelbagai yang tidak mengikut peraturan. Penyata Kewangan bagi Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak juga telah menerima Sijil Audit Tanpa Teguran bagi tahun 2011 dan 2012 berbanding Sijil Audit Berteguran bagi tahun 2010.

8.5.3.3. Bagi Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit berdasarkan pusingan seperti Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Agama Islam, Jabatan Veterinar, Jabatan Mineral Dan Geosains, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Majlis Daerah Tanjong Malim, Majlis Daerah Tapah, Perbadanan Perpustakaan Awam, Pejabat Daerah dan Tanah Batu Gajah, Pejabat Daerah dan Tanah Tapah, Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput didapati tahap prestasi menunjukkan peningkatan. Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh 2007 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 8.4** dan **Carta 8.5**.


Carta 8.4

**Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
Bagi Tahun 2007 hingga 2013**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 8.5
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
Tahun 2013 Berbanding Tahun Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.6. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan perlu memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Bagi menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, pada tahun 2013 Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan Audit mengejut di 23 Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri. Secara keseluruhannya pihak Audit mendapati beberapa perkara perlu diberikan perhatian seperti di **Jadual 8.3** berikut. Ketua Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.

Jadual 8.3

Penemuan Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2013

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri	Penemuan Audit
1.	Jabatan Kerja Raya Daerah Perak Tengah	i. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan.
2.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Kangsar	i. Terdapat terimaan dan pengeluaran setem yang tidak direkod dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat.
3.	Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Tapah	i. Wang kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Wang kutipan tidak dibankkan dengan segera. iii. Kutipan lewat yang tidak sempat dibankkan, tidak disimpan dalam peti besi. iv. Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit. v. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar. vi. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal. vii. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. viii. Terimaan dan pengeluaran setem tidak direkod dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. ix. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat. x. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan. xi. Peti besi dicantumkan ke rangka bangunan; jika bersesuaian. xii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
4.	Perpustakaan Awam Cawangan Seri Iskandar	i. Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan kepada pegawai yang memungut hasil. ii. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. iii. Terdapat terimaan dan pengeluaran setem yang tidak direkod dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. iv. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan. v. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. vi. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
5.	Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Kangsar	i. Tiada semakan dibuat terhadap cetakan bank di slip bayar masuk bank/penyata pemungut bagi mengesahkan ketepatan amaun wang yang di bankkan. ii. Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit. iii. Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tidak diperolehi.

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri	Penemuan Audit
		iv. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan.
6.	Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak Gerik	i. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar. ii. Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan kepada pegawai yang memungut hasil.
7.	Pejabat Pertanian Daerah Hulu Perak	i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. ii. Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit. iii. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar. iv. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal. v. Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tidak diperolehi. vi. Terdapat tuntutan wang rekupmen yang belum diterima. vii. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. viii. Terdapat terimaan dan pengeluaran setem yang tidak direkod dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. ix. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat. x. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan. xi. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.
8.	Perpustakaan Awam Batu Gajah	i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
9.	Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang	i. Tiada perakuan dibuat di belakang helaian pertama salinan buku resit. ii. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal. iii. Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tidak diperolehi. iv. Kad akses sistem komputer tidak berada pada pegawai yang diberi kuasa. v. Daftar barang-barang berharga tidak diselenggarakan. vi. Barang-barang berharga tidak di daftarkan dengan baik. vii. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan.
10.	Perpustakaan Awam Taiping	i. Terdapat wang kutipan yang tidak dibankkan dengan segera. ii. Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit. iii. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar. iv. Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tidak diperolehi.

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri	Penemuan Audit
		v. Terdapat tuntutan wang rekupmen yang belum diterima. vi. Terdapat terimaan dan pengeluaran setem yang tidak direkod dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. vii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. viii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.
11.	Pejabat Pertanian Daerah Manjung	i. Terdapat wang kutipan yang tidak dibankkan dengan segera. ii. Kutipan yang tidak sempat dibankkan, tidak disimpan dalam Peti Besi. iii. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal.
12.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Daerah Kampung Gajah	i. Terdapat kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Terdapat baucar bayaran PWR tidak diluluskan oleh Ketua Jabatan.
13.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Daerah Kuala Kangsar	i. Tiada semakan dibuat terhadap cetakan bank di slip bayar masuk bank/penyata pemungut bagi mengesahkan ketepatan amaun wang yang di bankkan. ii. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. iii. Baki fizikal Wang PWR tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai PWR. iv. Terdapat baucar bayaran PWR tidak diluluskan oleh Ketua Jabatan. v. Terdapat tuntutan wang rekupmen yang belum diterima. vi. Daftar pembayaran yang disediakan tidak disemak oleh Ketua Pejabat/wakilnya. vii. Baki wang agihan tidak dibankkan dalam tempoh 21 hari dari tarikh cek/EFT viii. Terdapat terimaan dan pengeluaran setem yang tidak direkod dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. ix. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan.
14.	Jabatan Mufti Perak	i. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. ii. Terdapat terimaan dan pengeluaran setem yang tidak direkod dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. iii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. iv. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.
15.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Daerah Batu Gajah	i. Terdapat kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Tiada semakan dibuat terhadap cetakan bank di slip bayar masuk bank/penyata pemungut bagi mengesahkan ketepatan amaun wang yang di bankkan. iii. Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tidak diperolehi.

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri	Penemuan Audit
		iv. Terdapat tuntutan wang rekupmen yang belum diterima. v. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan.
16.	Pusat Operasi Lembaga Air Perak (LAP) Batu Gajah	i. Tiada semakan dibuat terhadap cetakan bank di slip bayar masuk bank/penyata pemungut bagi mengesahkan ketepatan amaun wang yang di bankkan. ii. Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan kepada pegawai yang memungut hasil. iii. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan. iv. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. v. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.
17.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak Cawangan Kampung Gajah	i. Terdapat wang kutipan yang tidak dibankkan dengan segera. ii. Tiada semakan dibuat terhadap cetakan bank di slip bayar masuk bank/penyata pemungut bagi mengesahkan ketepatan amaun wang yang di bankkan. iii. Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tidak diperolehi. iv. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat. v. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.
18.	Pejabat Pentadbiran Agama Batu Gajah	i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. ii. Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit. iii. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal. iv. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. v. Terdapat terimaan dan pengeluaran setem yang tidak direkod dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. vi. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan. vii. Peti Besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan.
19.	Perpustakaan Awam Cawangan Selama	i. Terdapat wang kutipan yang tidak dibankkan dengan segera. ii. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. iii. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar. iv. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal. v. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat. vi. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri	Penemuan Audit
		kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan. vii. Peti besi dicantumkan ke rangka bangunan.
20.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak Daerah Selama	i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
21.	Yayasan Perak	i. Terdapat kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit. iii. Daftar Pelaburan tidak diselenggarakan dengan kemaskini. iv. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. v. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.
22.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak	i. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan. ii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. iii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.
23.	Pejabat Pentadbiran Agama Islam Seri Iskandar Perak	i. Terdapat kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Terdapat wang kutipan yang tidak dibankkan dengan segera. iii. Kutipan yang tidak sempat dibankkan, tidak disimpan dalam Peti Besi. iv. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. v. Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit. vi. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar. vii. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal.

9. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2013 adalah baik, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Agensi hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan pembetulan dan pencegahan diambil. Tindakan pembetulan adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan pencegahan adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

9.2. Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Agensi. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Agensi patut mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ-PTJ/Agensi untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama tidak berlaku.


9.3. Penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Agensi perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan tersebut.

9.4. Tindakan surcaj/tatatertib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur. Tindakan juga patut diambil terhadap pegawai-pegawai yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai di bawah penyeliaan mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

9.5. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

BAHAGIAN V

Penyerahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri



BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

10. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan ini adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan Piawaian yang diluluskan.

10.1. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan agensi Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk memastikan segala akaun serta rekod kewangan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Sehingga akhir tahun 2013, Ketua Audit Negara bertanggungjawab melaksanakan pengauditan terhadap 15 Badan Berkanun Negeri, satu Majlis Agama Islam dan 15 Pihak Berkuasa Tempatan. Daripada jumlah tersebut, penyata kewangan bagi 2 Badan Berkanun Negeri dan satu Majlis Agama Islam diaudit terus oleh Jabatan Audit Negara. Firma Audit Swasta telah dilantik untuk menjalankan pengauditan terhadap 13 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan 15 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Pelantikan Firma Audit Swasta ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Kerja pengauditan yang dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta sentiasa dipantau oleh Jabatan Audit Negara melalui penyediaan Memorandum Perancangan Audit, lawatan dan perbincangan antara pihak Firma Audit Swasta dengan pegawai Jabatan Audit Negara serta penyediaan Borang Semakan yang perlu disertakan bersama Laporan Akhir yang dihantar kepada Jabatan Audit Negara.

10.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

10.2.1. Penyerahan Penyata Kewangan bagi 15 Badan Berkanun Negeri adalah tertakluk di bawah Enakmen yang ditetapkan dan bagi Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak pula, termaktub di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004. Manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula adalah tertakluk di bawah Seksyen 60(1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Bagaimanapun mengikut keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2009 pada 20 April 2009 bersetuju supaya tarikh penyerahan penyata kewangan bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan dikemukakan sebelum/pada 30 April setiap tahun.

10.2.2. Sehingga 30 Jun 2014, 14 Badan Berkanun Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Bagaimanapun Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak masih belum menyerahkan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Begitu juga kesemua 15 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2013 untuk diaudit. Kedudukan penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sehingga 30 Jun 2014 adalah seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1

Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Majlis Agama Islam Sehingga 30 Jun 2014

Bil.	Agensi	Tarikh Penyata Kewangan 2013 Diterima
Badan Berkanun Negeri		
1.	Lembaga Air Perak	16.04.2014
2.	Lembaga Muzium Negeri Perak	28.04.2014
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	28.04.2014
4.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	29.04.2014
5.	Amanah Agama Khairat Sultan Idris Kuala Kangsar	29.04.2014
6.	Kolej Islam Darul Ridzuan	30.04.2014
7.	Tabung Kumpulan Wang Kebajikan Dan Pelajaran Yayasan Perak	30.04.2014
8.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu Perak	30.04.2014
9.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Bukan Melayu	30.04.2014
10.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	30.04.2014
11.	Lembaga Kemajuan Penanam Padi Negeri Perak	30.04.2014
12.	Perbadanan Taman Negeri Perak	07.05.2014
13.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	19.05.2014
14.	Majlis Sukan Negeri Perak	22.05.2014
15.	Yayasan Perak	Belum Terima
Pihak Berkuasa Tempatan		
1.	Majlis Daerah Gerik	10.02.2014
2.	Majlis Perbandaran Manjung	04.03.2014
3.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	07.03.2014
4.	Majlis Daerah Kampar	14.03.2014
5.	Majlis Perbandaran Taiping	21.03.2014
6.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	24.03.2014
7.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	25.03.2014
8.	Majlis Bandaraya Ipoh	28.03.2014
9.	Majlis Daerah Kerian	28.03.2014
10.	Majlis Daerah Batu Gajah	31.03.2014
11.	Majlis Daerah Perak Tengah	04.04.2014
12.	Majlis Daerah Selama	09.04.2014
13.	Majlis Daerah Tapah	11.04.2014
14.	Majlis Daerah Lenggong	15.04.2014
15.	Majlis Daerah Tanjung Malim	24.04.2014
Majlis Agama Islam		
1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak	Belum Terima

Sumber: Jabatan Audit Negara

10.2.3. Bagi memastikan Penyata Kewangan dapat disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, adalah disyorkan Ketua Agensi/Pihak Berkuasa Tempatan mengambil tindakan berikut:

10.2.3.1. Badan Berkanun Negeri mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan syarikat subsidiari dan bersekutunya mengemukakan akaun dengan lebih awal untuk membolehkan penyatuan akaun dapat dibuat sebelum 30 April tahun berikutnya;

10.2.3.2. Penyeliaan yang rapi dibuat terhadap penjawat awam yang mengendalikan urusan akaun dengan memastikan rekod kewangan sentiasa diselenggarakan dengan kemas kini dan teratur. Pemantauan hendaklah dilakukan dengan membincangkan isu pengurusan kewangan dan akaun sebagai salah satu perkara tetap dalam agenda mesyuarat; dan

10.2.3.3. Memberikan latihan berkaitan pengurusan kewangan/akaun yang berterusan kepada penjawat awam yang terlibat dengan urusan kewangan dan akaun.

10.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Sehingga 30 Jun 2014, 31 penyata kewangan bagi tahun berakhir 2012 telah diaudit dan dikeluarkan Sijil. Sebanyak 24 penyata kewangan telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran dan 7 lagi telah memperoleh Sijil Audit Berteguran bagi tahun berakhir 2012. Sijil Audit Berteguran dikeluarkan kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan kerana tidak mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan serta penyelenggaraan rekod perakaunan yang tidak memuaskan. Agensi yang menerima Sijil Berteguran adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan
Yang Menerima Persijilan Berteguran

Bil.	Agensi
Badan Berkanun Negeri	
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
2.	Yayasan Perak
3.	Kolej Islam Darul Ridzuan
4.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Pihak Berkuasa Tempatan	
1.	Majlis Perbandaran Teluk Intan
2.	Majlis Daerah Perak Tengah
3.	Majlis Daerah Lenggong

Sumber: Jabatan Audit Negara

10.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan supaya Laporan Audit mengenai penyata kewangan yang telah disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Penyata Kewangan bagi 9 daripada 16 Badan Berkanun Negeri dan kesemua 15 Pihak Berkuasa Tempatan perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga 30 Jun 2014, hanya 2 Penyata Kewangan Tahun 2011 dan 3 Penyata Kewangan Tahun 2012 bagi Badan Berkanun Negeri masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala kesemua 15 Penyata Kewangan Tahun 2012 bagi Pihak Berkuasa

Tempatan telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 1 April 2014. Butiran terperinci berkaitan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri yang belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri adalah seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3

Kedudukan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Yang Belum Dibentangkan

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Tahun Penyata Kewangan Belum Bentang	Bil. Penyata
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	2011 dan 2012	2
2.	Lembaga Air Perak	2012	1
3.	Yayasan Perak	2011 dan 2012	2

Sumber: Jabatan Audit Negara

10.5. PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri (BBN) adalah berdasarkan 15 Penyata Kewangan tahun 2013 yang dikemukakan untuk pengauditan.

10.5.1. Analisis Kedudukan Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.1.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2013 bagi BBN adalah memuaskan berbanding tahun 2012. Analisis Audit terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 mendapati 7 daripada 15 BBN telah mencatatkan lebih pendapatan berbanding perbelanjaan antara RM38,853 hingga RM97.11 juta. Lembaga Air Perak telah mencatatkan lebih pendapatan paling tinggi iaitu sejumlah RM97.11 juta dan juga pendapatan semasa tertinggi yang berjumlah RM333.84 juta.

10.5.1.2. Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2013 mendapati 14 daripada 15 BBN berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM1.16 juta hingga RM940.77 juta. Lembaga Air Perak mencatat aset semasa bersih paling tinggi iaitu berjumlah RM940.77 juta di mana aset semasa berjumlah RM971.36 juta berbanding liabiliti semasa yang berjumlah RM30.59 juta. Antara aset semasa yang besar dimiliki adalah tunai dan simpanan tetap di bank berjumlah RM640.65 juta dan pendahuluan royalti air berjumlah RM173.52 juta. Sementara itu, satu daripada 15 BBN mengalami liabiliti semasa bersih iaitu Perbadanan Taman Negeri Perak sejumlah RM0.04 juta. Prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013**

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan Berakhir 31 Disember 2013 (RM Juta)			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013 (RM Juta)		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/ (Defisit)	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset/ (Liabiliti) Semasa Bersih
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	58.32	232.87	-174.55	189.22	114.86	74.36
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	55.26	37.24	18.02	116.64	72.59	44.05
3.	Lembaga Air Perak	333.84	236.73	97.11	971.36	30.59	940.77
4.	Yayasan Perak*	BT	BT	BT	BT	BT	BT
5.	Tabung Kumpulan Wang Kebajikan Dan Pendidikan Yayasan Perak	16.46	16.84	-0.38	5.67	0.60	5.07
6.	Kolej Islam Darul Ridzuan	8.85	8.45	0.40	13.12	0.46	12.66
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	8.95	8.42	0.53	2.78	0.45	2.33
8.	Majlis Sukan Negeri Perak	0.79	0.67	0.12	0.47	0.12	0.35
9.	Lembaga Muzium Negeri Perak	1.14	0.40	0.74	2.40	0.01	2.39
10.	Lembaga Kemajuan Penanam Padi Perak	0.00	0.01	-0.01	1.17	0.01	1.16
11.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu	0.01	0.05	-0.04	48.57	0.06	48.51
12.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Bukan Melayu Perak	0.00	0.00	0.00	11.85	0.02	11.83
13.	Amanah Agama Khairat Sultan Idris Kuala Kangsar	0.21	0.17	0.04	1.51	0.07	1.44
14.	Perbadanan Taman Negeri Perak	1.89	1.99	-0.10	0.02	0.06	-0.04
15.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	10.21	5.95	4.26	46.48	0.23	46.25
Jumlah		495.94	549.81	-53.87	1,411.26	220.13	1,191.13

Sumber: Penyata Kewangan Belum Audit Badan Berkanun Negeri Tahun 2013


* Nota: Penyata Kewangan tahun 2013 belum diterima sehingga 30 Jun 2014

BT: Belum Terima

10.5.2. Analisis Pendapatan

10.5.2.1. Pada akhir tahun 2013, pendapatan janaan sendiri yang diperolehi oleh 14 BBN adalah berjumlah RM452.14 juta berbanding RM952.21 juta pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati Lembaga Air Perak mengalami penurunan pendapatan janaan sendiri sejumlah RM288.07 juta atau 46.3% berbanding tahun 2012, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak mengalami penurunan pendapatan janaan sendiri sejumlah RM215.85 juta atau 79.6% berbanding tahun 2012 dan Kolej Islam Darul Ridzuan mengalami penurunan berjumlah RM6.69 juta atau 88.7% berbanding tahun 2012. Manakala 2 BBN mengalami peningkatan ketara bagi pendapatan janaan sendiri bagi tahun 2013 berbanding 2012 iaitu Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dengan peningkatan sejumlah RM5.59 juta atau 120.8% dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dengan peningkatan sejumlah RM20.77 juta atau 73.3%.

10.5.2.2. Selain daripada pendapatan janaan sendiri, 9 daripada 14 BBN juga menerima geran daripada Kerajaan serta sumbangan lain sejumlah RM41.58 juta pada tahun 2013 berbanding RM51.79 juta pada tahun 2012. Jumlah geran ini meliputi geran operasi dan pembangunan untuk membantu BBN melaksanakan program serta aktiviti BBN dan juga menguruskan projek pembangunan. Trend jumlah pendapatan janaan sendiri dan geran yang diterima daripada Kerajaan untuk BBN bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti **Carta 10.1**.



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

* Nota: Angka-angka tahun 2013 adalah Penyata Kewangan Belum Audit Sehingga 30 Jun 2014

10.5.3. Jumlah Lebihan/Kurangan Pendapatan

Pada keseluruhannya, 14 BBN mengalami kurangan pendapatan sejumlah RM53.87 juta pada tahun 2013 iaitu penurunan sejumlah RM683.16 juta atau 108.6% berbanding 14 BBN memperoleh lebihan pendapatan sejumlah RM629.29 juta pada tahun 2012. Pada akhir tahun 2013, 8 BBN memperoleh lebihan pendapatan berjumlah RM121.22 juta dan 6 BBN memperoleh kurangan pendapatan berjumlah RM175.08 juta. Jumlah lebihan dan kurangan pendapatan BBN bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5

Jumlah Lebihan/Kurangan Pendapatan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	231.71	18.02	-213.69	-92.2
2.	Lembaga Air Perak	395.08	97.11	-297.97	-75.4
3.	Kolej Islam Darul Ridzuan	3.79	0.40	-3.39	-89.4
4.	Lembaga Muzium Negeri Perak	0.84	0.74	-0.10	-11.9
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	0.31	0.53	0.21	65.6
6.	Lembaga Kemajuan Penanam Padi Perak	0.0008	-0.007	-0.008	-975.0
7.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	0.53	-174.55	-175.08	-33,034.0
8.	Yayasan Perak*	BT	BT	BT	BT

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
9.	Amanah Agama Khairat Sultan Idris Kuala Kangsar	0.09	0.04	-0.05	-55.6
10.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu	-0.12	-0.04	0.08	-66.7
11.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Bukan Melayu	-0.06	-0.004	0.06	-93.3
12.	Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pendidikan Yayasan Perak	-1.89	-0.38	1.51	-79.9
13.	Majlis Sukan Negeri Perak	-0.77	0.13	0.90	-116.9
14.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	-0.22	4.26	4.48	-2,036.4
15.	Perbadanan Taman Negeri Perak	-0.004	-0.10	-0.09	2,250.0
Jumlah		629.29	-53.87	-683.16	-108.6

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

* Nota: Penyata Kewangan Tahun 2013 belum diterima sehingga 30 Jun 2014

BT: Belum Terima


10.5.4. Analisis Aset

Pada akhir tahun 2013, sebanyak 14 BBN memperoleh aset sejumlah RM3.75 bilion berbanding RM3.71 bilion pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM34.92 juta atau 0.9%. Daripada jumlah aset tersebut, jumlah aset semasa pada akhir tahun 2013 ialah RM1.41 bilion berbanding RM1.59 bilion pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, nilai aset bersih semasa telah menurun daripada RM1.26 bilion pada tahun 2012 kepada RM1.19 bilion pada tahun 2013 iaitu penurunan sejumlah RM66.98 juta atau 5.3%. Penurunan aset bersih semasa yang ketara bagi tahun 2013 berlaku di Perbadanan Kemajuan Negeri Perak iaitu sejumlah RM173.76 juta atau 70% berbanding sejumlah RM248.11 juta pada tahun 2012. Manakala peningkatan aset bersih semasa yang ketara pada tahun 2013 pula berlaku di Lembaga Air Perak iaitu sejumlah RM102.75 juta atau 12.3% berbanding RM838.02 juta pada tahun 2012.

10.5.5. Analisis Pelaburan

Pada akhir tahun 2013, hanya 4 BBN iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, Lembaga Air Perak dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang mempunyai Pelaburan berjumlah RM618.13 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam anak syarikat, syarikat bersekutu, pelaburan sekuriti dan pelaburan lain. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah meningkat sejumlah RM7.55 juta atau 1.2% berbanding RM610.58 juta pada tahun 2012. Jenis pelaburan BBN bagi tahun 2013 adalah seperti di **Carta 10.2**.

Carta 10.2
Jenis Pelaburan Badan Berkanun Negeri Pada Tahun 2013*



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

* Nota: Angka-angka tahun 2013 adalah Penyata Kewangan Belum Audit Sehingga 30 Jun 2014

10.5.6. Analisis Liabiliti

Pada akhir tahun 2013, jumlah liabiliti bagi 14 BBN ialah RM837.61 juta berbanding RM804.59 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM33.02 juta atau 4.1%. Tujuh daripada 14 BBN mengalami peningkatan jumlah liabiliti dan 5 BBN mempunyai penurunan liabiliti. Penurunan liabiliti Perbadanan Kemajuan Negeri Perak sebanyak RM5.02 juta atau 4.2% berbanding tahun sebelumnya adalah kerana pengurangan pinjaman dan peminjaman serta peruntukan cukai sejumlah RM7.25 juta. Jumlah liabiliti BBN bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti **Jadual 10.6**.

Jadual 10.6

Jumlah Liabiliti Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	120.94	115.92	-5.02	-4.2
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	63.70	72.59	8.89	14.0
3.	Lembaga Air Perak	608.16	635.11	26.95	4.4
4.	Yayasan Perak*	BT	BT	BT	BT
5.	Tabung Kumpulan Wang Kebajikan Dan Pendidikan Yayasan Perak	0.01	0.60	0.59	5,900.0
6.	Kolej Islam Darul Ridzuan	0.61	0.46	-0.15	-24.6
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	0.23	0.45	0.22	95.7
8.	Majlis Sukan Negeri Perak	0.18	0.12	-0.06	-33.3
9.	Lembaga Muzium Negeri Perak	0.009	0.009	0.00	-
10.	Lembaga Kemajuan Penanam Padi Perak	0.01	0.01	0.00	-
11.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu	0.17	0.07	-0.10	58.8
12.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Bukan Melayu	0.07	0.02	-0.05	-71.4
13.	Amanah Agama Khairat Sultan Idris Kuala Kangsar	0.06	0.07	0.01	16.7
14.	Perbadanan Taman Negeri	0.03	0.06	0.03	100.0
15.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	10.41	12.12	1.71	16.4
Jumlah		804.59	837.61	33.02	4.1

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

* Nota: Penyata Kewangan tahun 2013 belum diterima sehingga 30 Jun 2014

BT: Belum Terima

10.5.7. Analisis Nisbah

Nisbah Hutang mengukur peratus dana dibiayai daripada sumber selain ekuiti. Analisis nisbah hutang menunjukkan tiada BBN yang menggunakan lebih daripada 50% jumlah asetnya dibiayai oleh jumlah hutang. Empat BBN mempunyai kurangan aliran tunai bersih. Tiga BBN menunjukkan nisbah kecairan kurang daripada 2 iaitu menggambarkan BBN berkenaan tidak mampu untuk memenuhi tanggungan jangka pendek. Analisis juga mendapati satu BBN yang tidak mempunyai modal kerja yang mencukupi. Penilaian terhadap analisis kecairan dan kestabilan BBN bagi tahun 2013 adalah seperti **Jadual 10.7**.

Jadual 10.7

Analisis Kecaian Dan Kestabilan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Nisbah Semasa	Nisbah Cepat	Modal Kerja (RM Juta)	Aliran Tunai Bersih (RM Juta)	Nisbah Hutang (%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	1.65	1.46	74.35	17.91	19.41
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	1.61	1.57	44.05	-10.92	11.03
3.	Lembaga Air Perak	31.76	31.57	940.77	23.60	31.51
4.	Yayasan Perak*	BT	BT	BT	BT	BT
5.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	200.00	200.00	46.25	13.28	3.84
6.	Tabung Kumpulan Wang Kebajikan Dan Pelajaran Yayasan Perak	9.44	9.44	5.07	0.72	10.59
7.	Kolej Islam Darul Ridzuan	28.47	28.47	12.66	0.63	0.69
8.	Perbadanan Perustakaan Awam Negeri Perak	6.12	6.12	2.33	0.22	12.06
9.	Majlis Sukan Negeri Perak	3.92	3.92	0.35	-0.005	1.32
10.	Lembaga Muzium Negeri Perak	260.92	260.92	2.39	0.69	0.33
11.	Lembaga Kemajuan Penanam Padi Perak	89.05	89.05	1.16	0.00	1.12
12.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu	741.67	741.67	48.51	1.09	0.13
13.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Bukan Melayu	525.08	525.08	11.83	-0.35	0.19
14.	Amanah Agama Khairat Sultan Idris Kuala Kangsar	20.69	20.69	1.44	0.13	1.06
15.	Perbadanan Taman Negeri Perak	0.38	0.38	-0.03	-0.35	1.25

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

* Nota: Penyata Kewangan tahun 2013 belum diterima sehingga 30 Jun 2014

BT: Belum Terima

10.5.8. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

10.5.8.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Sehingga akhir tahun 2013, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak melabur sejumlah RM321.67 juta dalam 9 syarikat, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak melabur sejumlah RM253.01 juta dalam Perak Agro Corporation Sdn. Bhd, Lembaga Air Perak melabur sejumlah RM2 juta dalam Millenia Aqua Service Sdn. Bhd. dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak melabur sejumlah RM8 juta dalam Royal Perak Golf Club Berhad. Bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak melabur sejumlah RM5.08 juta. Manakala Perbadanan Pembangunan

Pertanian Negeri Perak melabur sejumlah RM1.45 juta. Kedudukan pelaburan pada kos dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu oleh BBN adalah seperti di **Jadual 10.8**.

Jadual 10.8

Kedudukan Pelaburan Pada Kos Dalam Syarikat Subsidiari Dan Syarikat Bersekutu

Perkara	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	Lembaga Air Perak	Yayasan Perak	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Syarikat Subsidiari (100%)	7	1	1	-	1
Syarikat Subsidiari (>50%)	2	-	-	-	-
Syarikat Bersekutu	-	2	-	-	2
Jumlah Syarikat	9	3	1	-	3
Pelaburan (RM Juta)*	321.67	254.46	2.00	-	13.08

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

* Nota: Angka-angka tahun 2013 adalah Penyata Kewangan Belum Audit Sehingga 30 Jun 2014

10.5.8.2. Status Syarikat Subsidiari

Analisis Audit mendapati 5 BBN telah melabur dalam 15 syarikat subsidiari berstatus aktif. Bilangan syarikat subsidiari yang aktif dan dormant adalah seperti di **Jadual 10.9**.

Jadual 10.9

Bilangan Syarikat Subsidiari Yang Aktif Dan Dormant Bagi Tahun 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Bilangan Syarikat Subsidiari (Ekuiti Melebihi 50%)		
		Status Aktif	Status Dormant	Jumlah Syarikat
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk)	9	-	9
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNPk)	1	-	1
3.	Lembaga Air Perak (LAP)	1	-	1
4.	Yayasan Perak (YP)*	3	-	3
5.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI)	1	-	1
Jumlah		15	-	15

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

* Nota: Penyata Kewangan tahun 2013 belum diterima sehingga 30 Jun 2014

10.5.8.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2012, sebanyak 5 anak syarikat yang aktif di bawah 5 BBN mempunyai keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM242.56 juta. Dari segi kerugian terkumpul, analisis Audit menunjukkan 10 anak syarikat BBN mempunyai kerugian terkumpul secara keseluruhan sejumlah RM169.93 juta. Antara anak syarikat yang mempunyai keuntungan terkumpul tertinggi ialah Perak Corporation Bhd. (PKNPk) sejumlah RM197.85 juta, Maju Perak Holdings Bhd. (PKNPk) sejumlah RM31.2 juta dan Perak Agro Corporation Sdn. Bhd. (PPNPk) sejumlah RM2.51 juta. Yayasan Perak menunjukkan kerugian terkumpul bagi kesemua anak syarikat berjumlah RM37.03 juta. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN bagi tahun kewangan 2012 adalah seperti di **Jadual 10.10**.

Jadual 10.10**Analisis Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Kewangan 2012**

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Keuntungan Terkumpul		Kerugian Terkumpul		Keuntungan/ (Kerugian) Bersih
		Bil. Syarikat	(RM Juta)	Bil. Syarikat	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	2	229.05	7	-132.90	96.2
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	1	2.51	-	-	2.51
3.	Lembaga Air Perak	1	7.74	-	-	7.74
4.	Yayasan Perak	-	-	3	-37.03	-37.03
5.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	1	3.26	-	-	3.26
Jumlah		5	242.56	10	-169.93	72.63

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah Badan Berkanun Negeri yang berkenaan hendaklah sentiasa memantau prestasi kewangan anak syarikat dan mengkaji semula pelaburan dalam anak syarikat yang berstatus dormant dan menghadapi kerugian terkumpul. Ini adalah untuk memastikan anak syarikat berdaya maju yang berterusan dan pelaburan dalam anak syarikat dapat memberi pulangan.

10.6. PRESTASI KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Kesemua 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Perak telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2013 untuk diaudit. Berdasarkan kepada penyata tersebut, adalah didapati 4 PBT telah memperoleh lebih pendapatan (surplus) berjumlah RM14.09 juta, 10 PBT mencatatkan kurangan pendapatan (defisit) berjumlah RM22.43 juta. Manakala 1 PBT lagi iaitu Majlis Perbandaran Kuala Kangsar mempunyai pendapatan dan perbelanjaan yang sama. Prestasi Kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 10.11**.

Jadual 10.11**Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 2013**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Pada 31 Disember 2013			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/ Defisit	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset Semasa Bersih
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	152.47	159.81	-7.34	91.74	29.80	61.94
2.	Majlis Perbandaran Taiping	42.14	42.93	-0.79	23.06	9.38	13.68
3.	Majlis Perbandaran Manjung	39.62	46.36	-6.74	14.31	8.20	6.11
4.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	17.70	17.70	0	9.08	3.09	5.99
5.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	21.74	23.11	-1.37	12.13	4.74	7.39
6.	Majlis Daerah Kerian	15.15	15.14	0.01	10.54	1.03	9.51
7.	Majlis Daerah Tanjong Malim	12.88	15.39	-2.51	5.55	4.61	0.94
8.	Majlis Daerah Tapah	8.68	9.64	-0.96	5.28	1.87	3.41
9.	Majlis Daerah Gerik	4.69	4.90	-0.21	3.17	2.03	1.14

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Pada 31 Disember 2013			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/ Defisit	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset Semasa Bersih
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
10.	Majlis Daerah Selama	3.21	3.70	-0.49	0.94	0.22	0.72
11.	Majlis Daerah Perak Tengah	21.48	9.63	11.85	14.24	8.56	5.68
12.	Majlis Daerah Lenggong	3.47	3.54	-0.07	0.74	0.45	0.29
13.	Majlis Daerah Kampar	13.27	15.22	-1.95	8.80	2.06	6.74
14.	Majlis Daerah Batu Gajah	15.40	13.41	1.99	30.12	1.22	28.90
15.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	3.74	3.50	0.24	2.10	0.46	1.64
Jumlah		375.64	383.98	-8.34	231.80	77.72	154.08

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.6.1. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah mencatat defisit semasa sejumlah RM7.34 juta. Prestasi ini menunjukkan peningkatan defisit sejumlah RM0.39 juta atau 5.6% berbanding defisit sejumlah RM6.95 juta pada tahun 2012. Ini adalah kerana peningkatan bayaran emolumen sejumlah RM2.89 juta dan pengurangan dalam hasil bukan cukai sejumlah RM1.29 juta.

10.6.2. Prestasi kewangan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) mencatatkan defisit semasa sejumlah RM0.79 juta atau 63.4% berbanding defisit sejumlah RM2.16 juta pada tahun 2012. Penurunan defisit ini disebabkan peningkatan terimaan bukan hasil pada tahun 2013. Prestasi kewangan Majlis Perbandaran Manjung (MPM) pada tahun 2013 mencatatkan defisit sejumlah RM6.74 juta atau 121% berbanding defisit pada tahun 2012 sejumlah RM3.05 juta. Defisit ini disebabkan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan meningkat pada tahun 2013. Manakala Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) pula merekodkan defisit sejumlah RM1.37 juta atau 40.4% pada tahun 2013 berbanding defisit sejumlah RM2.30 juta dalam tahun 2012. Penurunan defisit ini disebabkan peningkatan hasil cukai, terimaan bukan hasil dan hasil bukan cukai pada tahun 2013.

10.6.3. Pada tahun kewangan 2013, 4 daripada 10 Majlis Daerah mengalami surplus semasa berjumlah RM14.09 juta. Berlaku peningkatan surplus sejumlah RM10.74 juta atau 320.6% berbanding tahun sebelumnya. Majlis Daerah yang mengalami surplus semasa adalah Majlis Daerah Kerian, Majlis Daerah Perak Tengah, Majlis Daerah Batu Gajah dan Majlis Daerah Pengkalan Hulu. Manakala Majlis Daerah Tanjong Malim, Majlis Daerah Gerik, Majlis Daerah Selama, Majlis Daerah Lenggong, Majlis Daerah Tapah dan Majlis Daerah Kampar mencatat defisit semasa sejumlah RM6.19 juta berbanding 5 Majlis Daerah pada tahun 2012 dengan nilai defisit sejumlah RM4.45 juta. Peningkatan defisit ini adalah disebabkan oleh perbelanjaan emolumen, sewa dan bekalan dan bahan lain. Kedudukan Kewangan Tahunan Bagi PBT adalah seperti di **Jadual 10.12**.

Jadual 10.12**Kedudukan Kewangan Tahunan Bagi Pihak Berkuasa Tempatan**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 Surplus/ Defisit (RM Juta)	2013 Surplus/ Defisit (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	(%)
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	-6.95	-7.34	-0.39	5.6
2.	Majlis Perbandaran Taiping	-2.16	-0.79	1.37	-63.4
3.	Majlis Perbandaran Manjung	-3.05	-6.74	-3.69	121.0
4.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	-0.01	0	0.01	-100.0
5.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	-2.30	-1.37	0.93	-40.4
6.	Majlis Daerah Kerian	1.12	0.01	-0.97	-86.6
7.	Majlis Daerah Tanjong Malim	-1.82	-2.51	-0.69	37.9
8.	Majlis Daerah Tapah	-0.84	-0.96	-0.12	-14.3
9.	Majlis Daerah Gerik	-0.21	-0.21	0	0.00
10.	Majlis Daerah Selama	-0.13	-0.49	-0.36	276.9
11.	Majlis Daerah Perak Tengah	0.57	11.84	11.27	1,977.2
12.	Majlis Daerah Lenggong	0.50	-0.07	-0.57	-114.0
13.	Majlis Daerah Kampar	-1.45	-1.95	-0.5	34.5
14.	Majlis Daerah Batu Gajah	0.73	1.99	1.26	172.6
15.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	0.43	0.24	-0.19	-44.2
Jumlah		-15.57	-8.34	7.23	-46.4

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Belum Audit Sehingga 30 Jun 2014

10.6.4. Hasil Dan Perbelanjaan

Pada tahun 2013, PBT telah membelanjakan sejumlah RM383.98 juta yang meliputi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, harta modal, pemberian dan kenaan bayaran tetap, pembangunan dan perbelanjaan lain. Hasil utama PBT adalah daripada cukai taksiran, carum bantu kadar/sumbangan Kerajaan, faedah daripada pelaburan, lesen perniagaan dan perkhidmatan sewaan. Carum bantu/sumbangan Kerajaan merangkumi terimaan tunai di bank daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta pelunasan aset pemberian Kerajaan Negeri. Analisis Audit mendapati pada tahun 2013, PBT telah mengutip hasil sejumlah RM361.84 juta di mana cukai taksiran merupakan hasil tertinggi berjumlah RM186.98 juta atau 51.7% daripada keseluruhan hasil PBT. Adalah didapati carum bantu/sumbangan Kerajaan menyumbangkan sejumlah RM34.53 juta atau 9.5% daripada keseluruhan hasil PBT. Jenis hasil PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 10.13**.

Jadual 10.13**Jenis Hasil PBT Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013**

Kategori PBT	Bil. PBT	Cukai Taksiran	Carum Bantu Kadar/ Lesen	Pelbagai/ Faedah Pelaburan	Jumlah
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Bandaraya	1	99.15	12.13	41.19	152.47
Perbandaran	4	52.35	12.45	56.38	121.18
Majlis Daerah	10	35.48	9.95	42.76	88.19
Jumlah	15	186.98	34.53	140.33	361.84

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.6.5. Aset Semasa Bersih

10.6.5.1. Kesemua 15 PBT di Negeri Perak mengamalkan perakaunan berasaskan akruan. Mengikut perakaunan berasaskan akruan, transaksi adalah direkod pada asas akruan kecuali pendapatan dari lesen, perkhidmatan dan bayaran letak kereta. Akaun belum terima mengambil kira penghutang, caruman bantuan kadar, bayaran perkhidmatan dan sewaan. Perkiraan aset semasa bersih PBT adalah aset semasa bersih ditolak dengan liabiliti semasa. Aset semasa bersih PBT Bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 dan 2013 adalah seperti **Jadual 10.14**.

Jadual 10.14**Aset Semasa Bersih PBT Di Negeri Perak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012 Dan 2013**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun 2012			Tahun 2013			Perubahan Aset Bersih	
		Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset Semasa Bersih	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset Semasa Bersih		
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	95.49	28.78	66.71	91.75	29.80	61.95	-4.76	-7.1
2.	Majlis Perbandaran Taiping	21.85	8.30	13.56	23.06	9.38	13.68	0.12	0.9
3.	Majlis Perbandaran Manjung	18.60	5.49	13.11	14.31	8.20	6.11	-7.00	-53.4
4.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	8.80	3.66	5.14	9.08	3.09	5.99	0.85	16.5
5.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	14.48	4.60	9.88	12.13	4.74	7.40	-2.48	-25.1
6.	Majlis Daerah Kerian	12.56	0.96	11.60	10.55	1.04	9.51	-2.09	-18.0
7.	Majlis Daerah Tanjong Malim	7.93	3.38	4.55	5.55	4.61	0.94	-3.61	-79.3
8.	Majlis Daerah Tapah	7.39	2.13	5.26	5.29	1.87	3.42	-1.84	-35.0
9.	Majlis Daerah Gerik	3.22	1.87	1.35	3.17	2.03	1.14	-0.21	-15.6
10.	Majlis Daerah Selama	2.21	0.23	1.98	0.94	0.22	0.72	-1.26	-63.6
11.	Majlis Daerah Perak Tengah	8.83	10.31	-1.48	14.25	8.56	5.69	7.17	-484.5
12.	Majlis Daerah Lenggong	1.37	0.42	0.95	0.74	0.45	0.29	-0.66	-69.5
13.	Majlis Daerah Kampar	10.61	2.35	8.26	8.81	2.07	6.74	-1.52	-18.4
14.	Majlis Daerah Batu Gajah	29.83	1.26	28.57	30.12	1.22	28.90	0.33	1.2
15.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	1.67	0.26	1.41	2.10	0.46	1.64	0.23	16.3
Jumlah		244.84	74.00	170.85	231.85	77.74	154.11	-16.73	-9.8

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.6.5.2. Analisis Audit terhadap aset semasa bersih PBT mendapati perkara berikut:

- a. Aset semasa bersih PBT secara keseluruhannya pada tahun 2013 telah menurun sejumlah RM16.74 juta atau 9.8%. Aset semasa bersih pada tahun 2012 berjumlah RM170.85 juta manakala RM154.11 juta pada tahun 2013.
- b. Aset semasa bersih tahun 2013 bagi Majlis Bandaraya Ipoh telah menurun sejumlah RM4.76 juta atau 7.1%. Aset semasa bersih pada tahun 2012 adalah berjumlah RM66.71 juta manakala aset semasa bersih sejumlah RM61.95 juta pada tahun 2013. Perubahan ini disebabkan liabiliti semasa bertambah sejumlah RM29.80 juta berbanding RM28.78 juta pada tahun 2012. Pertambahan adalah bagi terimaan terdahulu, deposit dan sewa beli.
- c. Aset semasa bersih bagi Majlis Perbandaran Taiping menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.12 juta atau 0.9% iaitu sejumlah RM13.68 juta pada tahun 2013 berbanding sejumlah RM13.56 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini disebabkan liabiliti semasa bertambah sejumlah RM9.38 juta berbanding sejumlah RM8.30 juta pada tahun 2012. Peningkatan adalah bagi pemiutang, terimaan terdahulu, pinjaman negeri dan cagaran. Aset semasa bersih bagi Majlis Perbandaran Manjung menunjukkan penurunan sejumlah RM7.0 juta atau 53.4% iaitu sejumlah RM6.11 juta pada tahun 2013 berbanding sejumlah RM13.11 juta pada tahun 2012. Penurunan ini disebabkan aset semasa bersih berkurang sejumlah RM6.11 juta berbanding sejumlah RM13.11 juta pada tahun 2012. Penurunan adalah bagi pendahuluan pinjaman dan simpanan tetap serta wang di bank dan di tangan. Aset semasa bersih bagi Majlis Perbandaran Kuala Kangsar menunjukkan pertambahan sejumlah RM0.85 juta atau 16.5% pada tahun 2013 berbanding dengan tahun 2012 sejumlah RM5.14 juta. Pertambahan ini disebabkan liabiliti semasa berkurang sejumlah RM3.09 juta berbanding sejumlah RM3.66 juta pada tahun 2012. Pertambahan adalah bagi pemiutang, terimaan terdahulu dan cagaran. Bagi Majlis Perbandaran Teluk Intan, aset semasa bersih menunjukkan pengurangan sejumlah RM2.48 juta atau 25.1% iaitu sejumlah RM9.88 juta pada tahun 2012 berbanding sejumlah RM7.40 juta pada tahun 2013. Penurunan ini disebabkan penurunan aset semasa iaitu penghutang dan simpanan tetap.
- d. Tiga Majlis Daerah menunjukkan peningkatan aset semasa bersih antara sejumlah RM0.23 juta hingga RM7.17 juta atau 1.2% hingga 484.5% berbanding tahun sebelumnya. Majlis Daerah yang terlibat adalah Majlis Daerah Perak Tengah, Majlis Daerah Batu Gajah dan Majlis Daerah Pengkalan Hulu. Tujuh Majlis Daerah lain menunjukkan penurunan aset semasa bersih antara RM0.21 juta hingga sejumlah RM3.61 juta atau 15.6% hingga 79.3%. Majlis Daerah yang terlibat adalah Majlis Daerah Tanjong Malim, Majlis Daerah Tapah, Majlis Daerah Gerik, Majlis Daerah Lenggong, Majlis Daerah Kerian, Majlis Daerah Selama dan Majlis Daerah Kampar.

10.6.6. Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Am

10.6.6.1. Cukai taksiran am adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap aset pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut kuasa Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Cukai taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya), harta industri (kilang dan sebagainya). Caruman bantu kadar merupakan cukai tahunan yang dikenakan ke atas bangunan milik Kerajaan. Sehingga akhir tahun 2013, sejumlah RM186.98 juta cukai taksiran telah dikutip oleh PBT di Negeri Perak. Kutipan ini meningkat sejumlah RM11.94 juta atau 6.8% berbanding kutipan cukai taksiran pada tahun 2012.

10.6.6.2. Secara keseluruhannya, analisis Audit terhadap tunggakan cukai taksiran mendapati jumlah tunggakan meningkat daripada sejumlah RM70.22 juta pada tahun 2012 menjadi sejumlah RM77.86 juta pada tahun 2013 iaitu peningkatan sejumlah RM7.64 juta atau 10.9%. Peningkatan tunggakan cukai ini menunjukkan PBT perlu berusaha untuk mengutip tunggakan cukai Majlis. Tunggakan cukai taksiran bagi keseluruhan PBT adalah seperti di **Jadual 10.15**.

Jadual 10.15

Tunggakan Cukai Taksiran Bagi Tempoh Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	34.32	39.86	5.54	16.1
2.	Majlis Perbandaran Taiping	6.45	7.05	0.60	9.3
3.	Majlis Perbandaran Manjung	3.54	3.54	-	-
4.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	2.74	2.81	0.07	2.6
5.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	2.25	2.43	0.18	8.0
6.	Majlis Daerah Kerian	3.03	3.22	0.19	6.3
7.	Majlis Daerah Tanjong Malim	3.50	3.82	0.32	9.1
8.	Majlis Daerah Tapah	2.93	3.04	0.11	3.8
9.	Majlis Daerah Gerik	0.20	0.27	0.07	35.0
10.	Majlis Daerah Selama	0.13	0.18	0.05	38.5
11.	Majlis Daerah Perak Tengah	1.47	1.46	-0.01	-0.7
12.	Majlis Daerah Lenggong	0.13	0.16	0.03	23.1
13.	Majlis Daerah Kampar	3.78	4.06	0.28	7.4
14.	Majlis Daerah Batu Gajah	5.62	5.80	0.18	3.2
15.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	0.13	0.16	0.03	23.1
Jumlah		70.22	77.86	7.64	10.9

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.6.6.3. Berdasarkan penyata kewangan tahun 2013, jumlah pendapatan bagi semua PBT adalah berjumlah RM375.64 juta. Manakala jumlah tunggakan cukai taksiran pula adalah berjumlah RM77.86 juta iaitu 20.7% daripada jumlah pendapatan PBT. Ini menunjukkan tunggakan cukai taksiran adalah agak tinggi. Peratus tunggakan berbanding pendapatan cukai taksiran tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 10.16**.

Jadual 10.16**Peratus Tunggakan Berbanding Pendapatan Tahun 2013**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tunggakan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Tunggakan Berbanding Pendapatan (%)
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	39.86	152.47	26.1
2.	Majlis Perbandaran Taiping	7.05	42.14	16.7
3.	Majlis Perbandaran Manjung	3.54	39.62	8.9
4.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	2.81	17.70	15.9
5.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	2.43	21.74	11.2
6.	Majlis Daerah Kerian	3.22	15.15	21.3
7.	Majlis Daerah Tanjong Malim	3.82	12.88	29.7
8.	Majlis Daerah Tapah	3.04	8.68	35.0
9.	Majlis Daerah Gerik	0.27	4.69	5.8
10.	Majlis Daerah Selama	0.18	3.21	5.6
11.	Majlis Daerah Perak Tengah	1.46	21.48	6.8
12.	Majlis Daerah Lenggong	0.16	3.47	4.6
13.	Majlis Daerah Kampar	4.06	13.27	30.6
14.	Majlis Daerah Batu Gajah	5.80	15.40	37.7
15.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	0.16	3.74	4.3
Jumlah		77.86	375.64	20.7

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.7. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya kedudukan penyerahan penyata kewangan bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam adalah baik. Sehingga 30 Jun 2014, 31 penyata kewangan bagi tahun berakhir 2012 telah diaudit dan dikeluarkan Sijil. Sebanyak 24 penyata kewangan telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran dan 7 lagi telah memperoleh Sijil Audit Berteguran bagi tahun berakhir 2012. Sijil Audit Berteguran dikeluarkan kepada Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan kerana tidak mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan serta penyelenggaraan rekod perakaunan. Bagaimanapun, adalah disyorkan beberapa kelemahan perlu diambil tindakan segera seperti berikut:

10.7.1. Dokumen sokongan yang lengkap hendaklah disediakan bagi menyokong kewujudan aset. Begitu juga rekod perakaunan seperti lejar am, lejar individu pemiutang, akaun pendapatan, baucar bayaran, Daftar Harta Modal dan penyata penyesuaian hendaklah disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

10.7.2. Maklumat transaksi urus niaga antara syarikat dan kumpulan perlu dikemas kini dan diselaraskan semasa penyatuan Penyata Kewangan; dan rosot nilai bagi Saham Siar Harga wajar dinyatakan semula bagi memaparkan jumlah saksama pada kos pelaburan.


BAHAGIAN VI

Pembentangan

Laporan Ketua Audit Negara

Dan Mesyuarat Jawatankuasa

Kira-Kira Wang Awam Negeri



BAHAGIAN VI

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

11. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI; DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Perak Tahun 2012 berserta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2012 Siri 3 telah dibentangkan pada 1 April 2014. Manakala Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2012 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 25 November 2013. Seterusnya, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2013 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 26 Ogos 2014.

12. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Pada tahun 2013, tidak ada Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak diadakan kerana menghadapi Pilihan Raya Umum yang ke-13. Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak yang baru telah dibuat pada 30 Ogos 2013. Bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak Darul Ridzuan hanya diadakan mulai tahun 2014. Sehingga 15 Mei 2014, Mesyuarat telah diadakan sebanyak 4 kali bagi membincangkan perkara seperti di **Jadual 12.1**.

Jadual 12.1


Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak Sehingga 15 Mei 2014

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1/2014 6 Januari 2014	Pengarah Audit Negeri Perak	i. Menyampaikan taklimat mengenai fungsi dan peranan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak serta status Laporan Ketua Audit Negara yang telah selesai dikaji oleh Jawatankuasa ini. ii. Syor Audit untuk mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap kerana Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 dan 2012 masih belum dibincang oleh Jawatankuasa ini. iii. Penjelasan berkaitan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Di Negeri Perak.
		Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak	i. Mesyuarat turut membincangkan masalah mengenai lubang benam (<i>sinking holes</i>) Projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh. ii. Setiausaha Jawatankuasa memaklumkan cadangan lawatan sambil belajar ke India pada suatu tarikh yang

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
			akan ditetapkan.
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2/2014 23 Januari 2014	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak	iii. Pengerusi meminta semua Ahli Jawatankuasa menghadiri Seminar Pengurusan Kewangan Kerajaan untuk Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Persekutuan dan Negeri yang dianjurkan oleh Jabatan Audit Negara pada 8 dan 9 Januari 2014. i. Setiausaha Mesyuarat memaklumkan bahawa Penyata Laporan Jawatankuasa masih belum dibentangkan berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010. Perbincangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 dan 2012 dijangka bermula pada bulan Februari 2014. ii. Mesyuarat bersetuju pemberian elaun mesyuarat kepada pihak yang terlibat mengendalikan mesyuarat berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014. iii. Taklimat ringkas oleh Setiausaha Bahagian Pembangunan, Kementerian Pengangkutan Malaysia mengenai Projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh.
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3/2014 27 Februari 2014	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak Pengarah Audit Negeri Perak	i. Pengerusi memaklumkan surat telah dikeluarkan kepada Ketua Jabatan bagi mendapatkan penjelasan terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011. ii. Maklum balas Kementerian Pengangkutan Malaysia berkenaan isu Projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh telah diedarkan kepada semua ahli. iii. Mesyuarat akan menjemput pakar dari Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Negeri Perak untuk mendapat penjelasan terperinci berkaitan masalah lubang benam (<i>sinking holes</i>) Projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh. iv. Mesyuarat memutuskan untuk memanggil pihak Perak Corporation Berhad untuk mendapat penjelasan berkaitan dengan tindakan penswastaannya. Menyampaikan taklimat berkaitan dengan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011.
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 4/2014 28 Mac 2014	Jabatan Kerja Raya serta Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Negeri Perak	Mesyuarat dimaklumkan masalah lubang benam (<i>sinking holes</i>) Projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh secara terperinci.

Sumber: Jabatan Audit Negara

PENUTUP



PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak adalah bertambah baik. Begitu juga tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2013 telah menunjukkan prestasi lebih baik berbanding tahun 2012 kerana Jabatan/Agensi Negeri telah memberi fokus yang lebih terhadap pengurusan kewangan sejak pelaksanaan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun 2007. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan pencegahan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:


- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi Negeri perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan dan mereka perlu terlibat secara *'hands on'* dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem pemantauan berterusan, menjalankan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

JABATAN AUDIT NEGARA

